



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran—

Y. B. Datuk Seri Sanusi bin Junid (Jelun-Langkawi) [Ruangan 15131]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 15131]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:**

**Mengawal Sikap dan Tingkah Laku di Dalam Dewan—Y. B. Wan Hanafiah bin
Wan Mat Saman (Kota Setar) [Ruangan 15173]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 19 [Ruangan 15178]

Maksud B. 20 [Ruangan 15238]

KANDUNGAN—(samb.)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1992:

Jawatankuasa—

Maksud P. 19 [Ruangan 15178]

Maksud P. 20 [Ruangan 15238]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.1., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen, di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 3hb Disember, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUA

CUTI KEPADA AHLI—
KEBENARAN

Y.B. Datuk Seri Sanusi bin Junid
(Jerlun-Langkawi)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Sanusi bin Junid, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Jerlun-Langkawi dari 15 November hingga 25 November 1991.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PENCEMARAN ALAM SEKITAR

1. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) sama ada kajian telah dibuat tentang sumbangan negara-

negara dalam dunia ini terhadap pencemaran alam sekitar, termasuk 'ozone layer' yang selalu disebut-sebut, sama ada pencemaran kimia atau lain-lain; dan

(b) jika ya, sama ada Kerajaan akan menyebarkan hasil kajian itu supaya seluruh dunia mengetahui senarai mereka yang benar-benar bertanggungjawab atas pencemaran alam ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a), pada umumnya, masalah pencemaran alam sekitar berlaku bila mana negara-negara di dunia mula membangun khususnya di dalam aktiviti perindustrian masing-masing. Sebagai contoh, negara-negara perindustrian yang mempunyai bilangan penduduk sejumlah hanya 25% penduduk dunia adalah merupakan negara-negara yang bertanggungjawab ke atas pelepasan 75% karbon dioksida dunia. Dari segi per kapita, pelepasan karbon negara-negara perindustrian seperti Kanada dan Amerika Syarikat, pelepasannya melebihi 4 tan metrik setahun. Sebaliknya negara-negara membangun hanya mengeluarkan kurang dari setengah tan metrik per kapita karbon. Angka-angka tersebut dipetik dari kenyataan oleh Dr Mostafa Tolba, Pengarah Eksekutif Program Alam Sekitar Bangsa-Bangsa Bersatu.

Penipisan lapisan ozon adalah disebabkan oleh kesan-kesan perindustrian negara-negara maju akibat

penggunaan bahan-bahan CFCs dan halons. Negara-negara Amerika Syarikat, Jepun dan United Kingdom adalah di antara negara-negara pengeluar dan pengguna utama bahan-bahan tersebut. Perkara ini terbukti apabila kajian saintifik menunjukkan bahawa penipisan lapisan ozon berlaku di Kutub Utara dan Kutub Selatan.

Bagi menjawab soalan (b), setakat ini Kerajaan Malaysia sendiri masih belum menjalankan apa-apa kajian terhadap sumbangan pencemaran oleh negara-negara lain di dunia. Walau bagaimanapun, maklumat-maklumat ini telahpun wujud dan tersibar luas. Malaysia mengguna-pakai maklumat tersebut di dalam rundingan-rundingan antarabangsa seperti, dengan izin, United Nations Conference on Environment and Development (UNCED) dan rundingan mengenai Framework Convention on Climate Change (FCCC).

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya sama ada benar bahawa di negara kita ini ada kilang-kilang yang mengeluarkan sisa radioaktif yang amat berbahaya kepada penghidupan di muka bumi ini dan kalau benar, di manakah terletak kilang-kilang itu dan bagaimanakah caranya kilang-kilang ini memusnahkan sisa-sisa radioaktif ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, soalan bagi sisa-sisa toksik ini nampaknya terkeluar sedikit dari tajuk asal. Walau bagaimanapun, soalan ini juga secara spesifik menyentuh kilang-kilang dan bilangan kilang dan sebagainya. Oleh sebab itu, saya rasa lebih eloklah jika saya diberi notis tentang ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini berapa buah negarajah yang sudah menandatangani Perjanjian Montreal Protocol untuk mengurangkan pengeluaran bahan-bahan CFCs dalam dunia ini?

Keduanya, bagaimanakah sudah Montreal Protocol ini mencapai kejayaan di dalam mengurangkan pengeluaran bahan-bahan CFCs ini di negara Amerika Syarikat, Kanada, Eropah dan sebagainya iaitu negara-negara yang sudah membangun? Dan adakah bahan substitute sudah digunakan untuk mengeluarkan bahan-bahan yang biasanya menggunakan CFCs ini dan adakah satu tarikh sasaran (target date) supaya CFCs diharamkan sama sekali?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Setakat ini 70 buah negara sedunia sudah menandatangani Montreal Protocol ini. Dan daripada jadualnya, Mesyuarat Montreal Protocol yang diadakan di Nairobi baru-baru ini, suatu cadangan telah dibuat iaitu bahan-bahan CFCs dan halon yang boleh menipiskan ozon diharamkan pada tahun 1997 kelak. Ini adalah lebih dekat lagi daripada jadual yang dimaksudkan oleh Mesyuarat Montreal Protocol di peringkat London di mana bahan-bahan yang boleh menipiskan ozon ini sepatutnya diharamkan dalam tahun 2000. Cadangan ini dibuat kerana dari kajian saintifik, bahan-bahan CFCs dan halon ini adalah membahayakan lapisan ozon yang sekarang dijelaskan di peringkat "statosferia" adalah nampaknya tidak diperbaiki, dengan izin, "does not come back to its original state" atau tidak dipulihkan. Oleh sebab itu, Mesyuarat Montreal Protocol itu digesa mengambil tindakan atau keputusan untuk mengharamkan bahan-bahan CFCs dan halon ini dalam masa yang lebih dekat, iaitu tahun 1997. Sekian.

TABUNG BANTUAN TEKNIKAL PERINDUSTRIAN

2. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) bagi tabung untuk Industri-industri Kecil dan Sederhana (IKS), apakah bilangan industri yang berjaya mendapat bantuan

semenjak penubuhan tabung dan sehingga akhir bulan Oktober 1991. Apakah bilangan permohonan yang diterima dalam tempoh masa yang sama. Maka apakah jumlah wang yang sudah dikeluarkan berbanding dengan jumlah asal tabung; dan

- (b) apakah kriteria yang diguna untuk memilih atau menilai permohonan yang layak. Apakah jenis-jenis industri yang telah menerima bantuan daripada tabung. Sila beri pecahan pengusahaan industri berjaya mengikut jenis aktiviti, pengusahaan bumiputera atau bukan bumiputera serta nilai bantuan wang yang diterima.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S.S. Subramaniam):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tabung untuk Industri-industri Kecil dan Sederhana yang dikenali sebagai Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian atau Industrial Technical Assistance Fund (ITAF), dengan izin, di bawah kelolaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah diberi peruntukan sebanyak \$50 juta.

Di awal bulan Julai 1990 sehingga akhir bulan Oktober 1991, sejumlah 227 permohonan telah diterima. Daripada jumlah ini, 100 permohonan telah diluluskan dengan geran berjumlah \$4.57 juta. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah membayar sebanyak \$0.45 juta berdasarkan peruntukan reimbursement, dengan izin, daripada syarikat-syarikat yang layak.

- (b) Kriteria-kriteria yang digunakan untuk memilih atau menilai permohonan yang layak adalah seperti berikut:

- (i) syarikat hendaklah berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 dengan dana pemegang saham tidak melebihi \$2.5 juta dan sekurang-kurangnya 70% ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia;
- (ii) syarikat hendaklah mengeluarkan atau bercadang untuk mengeluarkan sesuatu barangan komponen atau input di dalam sektor perkilangan;
- (iii) syarikat disyaratkan mempunyai pengetahuan teknikal dan kemahiran pengurusan dalam bidang yang diceburi;
- (iv) syarikat hendaklah mempunyai kemampuan kewangan untuk membiayai sekurang-kurangnya 50% daripada kos perbelanjaan projek yang diluluskan;
- (v) syarikat hendaklah memiliki kemudahan pengeluaran atau tempat untuk melaksanakan projek, termasuk mereka yang ditempatkan di Taman Teknologi dan SIRIM atau mana-mana tempat yang diiktirafkan oleh Kerajaan; dan
- (vi) syarikat mestilah mempunyai rekod perniagaan yang bersih, terutamanya dari segi pinjaman dengan mana-mana institusi kewangan dan agensi-agensi Kerajaan.

Di antara jenis-jenis industri yang telah diluluskan, bantuan daripada tabung ini adalah:

- (i) Industri automotif—18 projek dengan peruntukan \$1.14 juta di bawah mana pihak bumiputera mempunyai 14 projek dengan \$0.87 juta;
- (ii) Industri elektronik—16 projek dengan peruntukan \$0.85 juta di bawah mana bumiputera mempunyai 7 projek dengan \$0.4 juta;
- (iii) Industri kimia dan petrokimia—7 projek dengan peruntukan \$0.63 juta di bawah mana bumiputera mempunyai 2 projek dengan \$0.2 juta;
- (iv) Industri logam—8 projek dengan peruntukan \$0.3 juta di bawah mana bumiputera mempunyai 2 projek dengan \$0.2 juta; dan
- (v) Industri mesin dan kejuruteraan—5 projek dengan peruntukan \$0.27 juta di bawah mana bumiputera mempunyai 1 projek dengan \$0.1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada lebih 7 perindustrian. Saya rasa yang kecil-kecil tidak payahlah saya membacanya. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, tabung ini diberi peruntukan hanya \$5 juta sebagaimana yang diberi jawapan. Dan setakat ini \$45.7 juta sudah pun digunakan bagi 100 permohonan yang telah diluluskan di mana permohonan asalnya setakat ini 227. Memandangkan \$45.7 juta sudah digunakan, apakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah lagi tabung ini?

Soalan yang kedua, mengikut jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa kelulusan diberi kepada bumiputera amat sedikit sekali mengikut angka yang telah diberi jawapan tadi. Saya ingin mengetahui apakah sebab-sebabnya?

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya angka yang telah dikatakan tadi oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas ini salah. Saya kata \$4.57 juta, bukan \$45.7 juta. Sebenarnya \$4.57 yang telah digunakan itu Kerajaan merasa amat sedikit yang telah digunakan. Oleh yang demikian, saya rasa kita tidak memerlukan pada masa kini untuk menambah lagi tabung ini.

Yang kedua, dari apa yang saya telah katakan tadi, kita dapat lihat dari semua projek yang telah diluluskan, sejumlah 40 projek dipunyai oleh pihak bumiputera dan kita telah beri lebih kurang \$2 juta kepada pihak bumiputera. Jumlah projek yang telah diluluskan ialah 100 projek, 60 projek ialah dipunyai oleh non-bumiputera, dan peruntukan yang telah diberi kepada bukan bumiputera ialah \$2.6 juta sahaja. Dari butir ini, kita boleh maklum kita telah beri lebih kurang 40% kepada bumiputera. Saya rasa pemberian ini cukuplah untuk keadaan pada masa kini. Tetapi Kerajaan sedang mengambil usaha-usaha untuk menambah lagi bantuan yang akan diberi kepada pihak bumiputera.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jumlah yang telah dikeluarkan dan permohonan yang telah diluluskan ialah 100 permohonan, kadang-kadang skim Kerajaan sebegini tidak disibar dan diberitahu kepada masyarakat umum begitu luas. Jadi, kami di Sarawak umpamanya tidak kenal apa skim ini. Saya hendak bertanya di antara 100 permohonan yang telah diluluskan, berapakah permohonan daripada Sarawak? Dan keseluruhannya, berapa permohonan daripada Sarawak dan adakah telah diluluskan, dan berapakah telah diluluskan? Kalau tidak ada permohonan daripada Sarawak, kenapa ini berlaku? Adakah oleh kerana komunikasi yang tidak cekap dan tidak dibuat?

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak ada angka pecahan kepada setiap negeri tetapi apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, kita bersetuju iaitu untuk lebih memperkenalkan skim ini kepada lebih pengilang-pengilang. Ini adalah suatu usaha yang sedang diambil oleh Kementerian kita, dan kita sedang menganjurkan beberapa seminar-seminar dan juga kita sedang mengambil tindakan untuk memberitahu semua persatuan-persatuan industri dan juga persatuan-persatuan perdagangan dan perniagaan untuk memperkenalkan skim ini kepada semua pihak yang menjadi ahli kepada mereka. Saya mohon kepada Ahli Yang Berhormat, jika kita boleh mengadakan satu seminar di Sarawak juga, kita bersetuju untuk melawat ke Sarawak.

PENGEMIS LUAR NEGERI

3. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pengemis-pengemis dari luar negeri yang nampaknya bertambah terutama sekali di utara Semenanjung.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai tindakan biasa pengemis dari luar negara adalah ditangkap dan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk dihantar ke negara asal masing-masing.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauhmanakah Kerajaan dapat mengesan sindikit yang terlibat di belakang pengemis-pengemis dan apakah yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Soalan yang kedua, apakah Kerajaan sedar bahawa masalah pengemis yang sekejap timbul dan sekejap hilang itu

ialah oleh kerana sikap pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jika aduan dibuat pun mereka melengahkan tindakan. Jika sedar, apakah tindakan yang dibuat oleh Kementerian?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah mengenai pengemis luar negara. Saya tidak pasti sama ada Ahli Yang Berhormat tadi telah menimbulkan mengenai pengemis tempatan atau luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka yang kita ada, bilangan pengemis dari luar negara dari utara Semenanjung Malaysia ada meningkat sedikit. Saya beri sedikit angka di sini untuk menjelaskan hal pengemis luar negara ini. Pada tahun 1987 di utara Semenanjung Malaysia iaitu di negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Perlis dan Kedah, langsung tidak ada pengemis luar negara. Bilangan pengemis dari luar negara ini naik ke angka yang tinggi sekali di tahun 1989 iaitu jumlahnya 36. Untuk menjawab soalan tambahan tadi, saya fikir ini ialah kerana sikap masyarakat rakyat Malaysia. Dengan pembangunan yang pesat di negara kita ini orang luar hendak datang ke negara kita untuk mencari makan dengan senang kerana mereka tahu akan sikap rakyat jelata kita. Dari segi ajaran agama dan budaya, kita sentiasa bermurah hati dan memberi sedekah kepada mereka yang memohon. Saya mintalah kalau ada soalan yang spesifik di mana pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak membuat kerja, sila laporkan ke Jabatan-jabatan berkenaan.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu perkara yang menonjol tentang pengemis-pengemis daripada luar negara ini ialah penggunaan kanak-kanak untuk mengemis dan biasanya kanak-kanak ini akan menggunakan surat akuan daripada pihak-pihak yang tertentu untuk mengambil simpati

daripada orang ramai yang boleh menjejaskan nama baik negara kita terutama kepada pelancong-pelancong. Setakat manakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak Kementerian bagi menentukan bahawa kedudukan-kedudukan ini telah diatasi dan berasaskan daripada kes-kes yang telah diambil tindakan, apakah tindakan-tindakan yang telah dibuat bagi menentukan bahawa perkara yang mencemarkan negara kita dari segi kedudukan penggunaan kanak-kanak ini telah diselesaikan?

Tuan Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu akta iaitu Akta Perlindungan Kanak-kanak telahpun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini yang mana ada peruntukan mengenai had pengemis kanak-kanak ini dan ibubapa atau penjaga yang tidak menjalankan tanggungjawab mereka untuk menjaga anak-anak dan membiarkan mereka mengemis. Ini adalah satu kesalahan dari segi undang-undang di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak.

DEMAM DENGGI

4. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang berkesan telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah demam denggi yang semakin merebak hampir di seluruh negara dan berapa ramaikah pengidap demam denggi pada tahun 1990 dan 1991 hingga 31hb Oktober, 1991.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, dalam mengatasi masalah demam denggi, langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan pihak

Kuasa Tempatan meliputi usaha-usaha pencegahan dan kawalan. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan:

Aktiviti-aktiviti Pencegahan:

- Pemeriksaan Aedes rumah ke rumah.
- Penggunaan Abate untuk membunuh jentik-jentik.

Aktiviti-aktiviti Pengawalan:

- Semburan kabus
- Memberi amaran
- Mengeluarkan kompaun
- Mengambil tindakan mahkamah

Aktiviti-aktiviti Pendidikan Kesihatan:

Pendidikan kesihatan diberi keutamaan dalam usaha pencegahan dan kawalan seperti memberi ceramah, dialog, tunjuk-ajar dan penyiaran maklumat melalui media-massa.

Kekesanan langkah-langkah yang telah dilaksanakan dapat dilihat daripada analisa yang telah dibuat, seperti:

- Kejadian kes-kes persendirian adalah empat kali ganda daripada kejadian kes-kes wabak. Ini bermakna tindakan kawalan yang bersesuaian dan tepat pada masanya, telah diambil untuk membendung kejadian wabak.
- didapati bahawa 77% kawasan wabak telah dikawal dalam tempoh kurang dari dua minggu.

Kejadian Kes Demam Denggi:

Sehingga 31hb Oktober, 1991 sebanyak 5,839 kes demam denggi telah dilaporkan berbanding dengan 3,421 kes pada jangkamasa yang sama pada tahun 1990.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun langkah-langkah yang diambil dan setengah-setengahnya itu telahpun membawa kesan yang tertentu, angka yang diberikan oleh Yang Berhormat sendiri menunjukkan bilangan kes denggi ini telah meningkat. Apakah sebab yang menyebabkan kes ini meningkat memandangkan peruntukan wang yang banyak itu digunakan untuk mencegah dan mengawal demam denggi? Apakah langkah-langkah yang lebih berkesan yang akan diambil, selain daripada Kempen Denggi dan AIDS yang bersama-sama dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dua hari yang lepas? Apakah langkah yang lain untuk mengatasi tabiat dan amalan yang tidak baik yang dilakukan oleh penduduk-penduduk yang menyebabkan bilangan kes denggi ini meningkat?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, untuk mengatasi masalah denggi ini kita hendak mendapat kerjasama daripada penduduk-penduduk. Kebanyakannya kes ini terdapat di bandar dan bukan di luar bandar. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, demam denggi ini digelarkan sebagai man-made disease dan penduduk-penduduk di kawasan bandar tidak memberi kerjasama kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pihak Kementerian Kesihatan. Oleh sebab itu kita menghadapi banyak masalah. Jika penduduk-penduduk bandar ini menukar sikap dan bekerjasama dengan pihak berkuasa dan juga Kementerian Kesihatan, maka kita dapat menghapuskan demam denggi ini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya amat rasa simpati dengan Setiausaha Parlimen yang mengharapkan kerjasama daripada masyarakat awam dan salah satu usaha yang dilakukan oleh pihak berkuasa khususnya di Kuala Lumpur di dalam mencegah denggi adalah menggunakan

satu chemical untuk melakukan kerja-kerja fogging. Saya ingin tahu sama ada chemical atau kimia yang digunakan untuk proses fogging ini boleh mendatangkan kesan sampingan yang lain kepada kesihatan masyarakat oleh kerana setahu saya perkara ini amat kurang disenangi oleh masyarakat setempat khususnya oleh kerana kimia ini mendatangkan satu kesan bau yang sangat mencemarkan. Jadi, saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen mengenai hal ini.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya sehingga ini kita belum menerima apa-apa aduan atau laporan tentang perkara ini. Walau bagaimanapun, saya akan mengambil perhatian terhadap cadangan Yang Berhormat tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Maharuddin): Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew.

(Soalan No.5 Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew tidak hadir)

KESESAKAN LALULINTAS DI KUALA LUMPUR

6. Tuan G. Palanivel minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah segera yang diambil oleh Dewan Bandaraya bagi mengatasi kesesakan lalulintas yang sering berlaku di ibunegara. Apakah rancangan jangka panjang dan berapa lamakah ia dapat dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai langkah-langkah segera dan langkah-langkah jangka panjang bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur.

Langkah-langkah segera ialah:

- (i) pembinaan jejambat (flyovers)
- (ii) melebar dan memperbaiki jalan-jalan yang sedia ada; dan
- (iii) membesar persimpangan-persimpangan jalan.

Langkah-langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah lalulintas dalam Kuala Lumpur meliputi tiga aspek kerja seperti berikut:

(1) *Pelaksanaan Projek Pembangunan Jalanraya*

Di bawah aspek ini, jalan-jalan raya utama di dalam Kuala Lumpur akan dipertingkatkan untuk memudahkan pergerakan lalulintas. Jalan-jalan raya yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

- (a) Jalan Kepong;
- (b) Jalan Kuchai Lama;
- (c) Jalan Perkasa;
- (d) Jalan Puchong (dari Taman Puchong ke sempadan Wilayah Persekutuan);
- (e) Jalan Segambut; dan
- (f) Jalan Damansara.

Di samping ini, beberapa jalan raya baru akan dibina untuk menyalurkan perkhidmatan kepada kawasan-kawasan pertumbuhan baru.

(2) *Projek-projek Pengangkutan Awam*

Di samping memperbaiki perkhidmatan bas yang sedia ada di dalam Kuala Lumpur, sistem-sistem pengangkutan awam yang baru telah dicadangkan dan sedang dalam perancangan untuk dilaksanakan. Sistem-sistem pengangkutan awam tersebut di antaranya ialah:

- (a) Monorel bagi permintaan perjalanan dalam pusat Bandaraya Kuala Lumpur;

(b) LRT atau Metrolink bagi permintaan ulang alik kerja di dalam Kuala Lumpur; dan

(c) Railbus - bagi permintaan ulang alik kerja dari luar Kuala Lumpur.

(3) *Pengurusan Lalulintas*

Beberapa rancangan di bawah aspek kerja ini telah dibuat dan di antaranya ialah:

(i) menaikkan taraf sistem kawalan lampu isyarat lalulintas berkomputer yang sedia ada ke sistem kawalan yang lebih dinamik;

(ii) melaksanakan sistem jalan-jalan sehalu di mana-mana kawasan yang perlu; dan

(iii) melaksanakan pembaikan jangka pendek kepada persimpangan-persimpangan jalan termasuk pemasangan lampu-lampu isyarat lalulintas jika perlu.

Projek-projek jangka panjang bagi mengatasi kesesakan lalulintas ini dibuat secara berterusan dan tidak dapat ditentukan tempoh pelaksanaannya.

Tuan Wahab bin Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pandangan Kementerian Yang Berhormat tentang saranan yang telah dibuat oleh cerdik pandai yang berilmu dan berpengalaman dalam bidang kejuruteraan lalulintas di mana saranan itu telah mengesyorkan agar pejabat-pejabat Kerajaan dan pejabat-pejabat swasta dibina di luar daripada Kuala Lumpur.

Kedua, apakah pandangan Kementerian Yang Berhormat juga tentang ada ura-ura pihak yang hendak mengenakan Zon Had Masa di Kuala Lumpur ini?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan. Pertamanya tentang pembinaan pejabat-pejabat di luar Kuala Lumpur, seperti dinyatakan bahawa Kerajaan tidak dapat untuk menetapkan pembinaan pejabat-pejabat untuk syarikat-syarikat swasta. Di mana sahaja mereka meletakkan, itu terpulang kepada mereka dan pihak Kerajaan pun sudah pasti akan menetapkan keadaan yang sama sekarang, di mana difikirkan perlu kita akan tentukan di mana tempat pejabat itu.

Yang mustahaknya ialah tindakan Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk memperbaiki sistem pengangkutan, memperbaiki jalan-jalan ini untuk memudahkan pergerakan lalulintas di dalam Kuala Lumpur.

Soalan kedua, ianya masih lagi di dalam kajian Kerajaan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur ini dari segi jangka pendek kalau hendak diselesaikan senang sahaja iaitu sepatutnya lebih banyak disediakan jalan sehala. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada pihak Majlis Bandaraya Kuala Lumpur bermaksud untuk mengadakan lebih banyak jalan-jalan sehala dan mengurangkan kereta-kereta daripada melintas jalan menghala ke kanan. Kalau hala ke kiri mungkin akan menyesak keadaan lalulintas, tetapi kalau ke kanan dia kena tunggu clearkan kereta datang daripada sebelah kanan, baru dia boleh melintas dan ini menyebabkan berderet kereta terpaksa menunggu di belakang.

Kedua, saya ingin tahu apa sudah jadi dengan cadangan pihak Kerajaan dahulu untuk menghadkan kemasukan kenderaan ke kawasan bandar iaitu dengan menggunakan Sistem Zoning di mana kenderaan-kenderaan yang hendak

masuk ke bandar terpaksa menggunakan pas dan infrastruktur untuk ini telah dibuat dan membelanjakan banyak duit iaitu dengan menaikkan tiang-tiang besi yang menunjukkan bahawa kawasan ini tidak boleh masuk, kawasan ini restricted area. Saya ingat kita telah menggunakan banyak wang dan apa telah terjadi dengan rancangan ini dan adakah ini akan diteruskan pada masa hadapan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kerana pandangan Yang Berhormat itu memanglah di dalam jawapan asal saya menunjukkan bahawa salah satu daripada perkara yang telah dan akan dijalankan ialah pelaksanaan jalan sehala ini dan memang kita benar-benar faham memang motokar yang menghala ke kanan itulah yang menyebabkan sebahagian daripada kesesakan berlaku. Insyallah perkara ini akan diteruskan untuk membaiki kesesakan dalam bandaraya Kuala Lumpur.

Cadangan yang kedua tentang zoning yang disebutkan itu, sepertimana soalan yang pertama tadi saya telah menjelaskan, bahawa pertamanya kita harus meningkatkan terlebih dahulu keupayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menyediakan satu infrastruktur yang baik kepada penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan atau Kuala Lumpur, kemudian daripada itu jika sekiranya perkara ini telah disiapkan dengan sebaik-baiknya kemudian kesesakan terus berlaku, maka sudah pasti Kerajaan akan menimbang untuk meneruskan pelaksanaan sistem zoning ini. Walau bagaimanapun sekarang ini sistem zoning ini hanya dikenakan terhadap kenderaan-kenderaan berat, lori yang memunggah dan sebagainya dikenakan zoning pada masa tertentu dan jalan tertentu yang digunakan. Ini jika difikirkan perlu pada masa akan datang setelah persediaan semuanya telah lengkap, insyallah perkara ini akan dapat dijalankan.

KLINIK DESA—PEMBINAAN

7. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai perancangan untuk membina Klinik Desa di merata tempat, terutama sekali di Kawasan Pendalaman, bagi memberi khidmat kesihatan kepada penduduk-penduduk. Bagi kawasan di Sejingkat, terdapat kesulitan di dalam mendapat khidmat rawatan oleh kerana tempat seperti Kampung Semilang dan Beradek hanya dapat dihubungi melalui air dan perhubungan terputus bila air surut (lowtide).

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah merancang dan sentiasa berusaha untuk membina sebuah Klinik Desa di setiap tempat yang mempunyai penduduk lebih dari 1,000 orang di kawasan luar bandar. Bagi kampung-kampung yang terpencil di kawasan pendalaman dan yang susah dihubungi melalui bot atau jalanraya, perkhidmatan perubatan dan kesihatan disediakan melalui Perkhidmatan Doktor Udara. Pasukan ini melawat kampung-kampung tersebut mengikut jadual yang tetap iaitu sekali dalam satu bulan.

Pada masa ini, bagi Kampung Semilang yang mempunyai penduduk 700 orang dan Kampung Beradek dengan jumlah penduduk seramai 403 orang perkhidmatan perubatan dan kesihatan disediakan melalui Pasukan Kesihatan Bergerak pada tiap-tiap bulan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan mempertimbangkan pembinaan Klinik Desa di kawasan ini semasa kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keenam.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen telah menjelaskan kepada kita iaitu klinik desa boleh dibina di tempat di mana penduduknya 1,000 orang atau lebih. Daripada keadaan yang berlaku di

Sarawak, adakah kajian menyeluruh dibuat oleh kerana kalau kita hendak menggunakan penduduk sebagai mengasaskan pembinaan klinik desa, kemungkinan di Sarawak kita dapati klinik desa itu jauh terpencil dan susah didapati, oleh kerana kawasannya besar dan orangnya sedikit. Jadi, adakah Kementerian membuat satu dasar lain untuk membina klinik desa di Sarawak.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka-angka yang terperinci. Walau bagaimanapun, cadangan itu boleh ditimbang. *(Ketawa)*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya juga sependapat dengan saudara saya dari Batang Lupar bahawa kriteria menggunakan jumlah 1,000 penduduk dan lebih bagi membina satu Klinik Desa khususnya di kawasan-kawasan pendalaman adalah perkara yang agak mustahil. Oleh kerana macam di Semenanjung sendiri juga terdapat kampung-kampung yang memang jauh terpencil, jumlah penduduknya kurang daripada 1,000 tetapi untuk mendapat khidmat klinik bergerak hanya seminggu sekali ataupun sebulan sekali. Jadi tidakkah pihak Kerajaan ingin memikirkan kembali supaya di kampung-kampung yang sedemikian bukan diwujudkan Klinik Desa tetapi diwujudkan "Mini Klinik Desa" supaya kosnya dan kriteria 1,000 orang penduduk dan lebih itu tidak payah diambilkira. Tetapi kemudahan itu mesti sampai kepada mereka.

Dato' K. Kumaran: Mengenai perkara ini pun kita boleh timbang *(Ketawa)*. Ini satu perkara yang baru.

Tuan Wahab bin Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam submission Rancangan Malaysia Keenam ini terdapat Klinik-klinik Desa yang telah dikeluarkan daripada senarai yang asal. Apakah jaminan daripada Kementerian Kesihatan apabila kita membuat Midterm Review, dengan izin,

bahawa Klinik-Klinik Desa ini yang pada asalnya dimasukkan dalam Jadual untuk Rancangan Malaysia Keenam ini dapat dimasukkan semula kelak?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, mengapa perkara yang dikeluarkan daripada senarai itu, saya tidak mempunyai butir-butir. Walau bagaimanapun dalam Rancangan Malaysia Keenam kita akan membina dua Klinik Desa dan sembilan Pusat Kesihatan Kecil dan empat Klinik Kesihatan Kecil akan dinaik taraf sebagai Pusat Kesihatan dan satu Pusat Kesihatan. Walau bagaimanapun, jika ada peruntukan (*Ketawa*), kita bolehimbang ataupun Yang Berhormat boleh lobi dengan Menteri yang berkenaan.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah mendapati daripada jawapan bahawa bagi tempat-tempat tersebut "Doktor Udara" atau Pasukan Kesihatan Bergerak akan diadakan sebulan sekali. Jadi saya ingin hendak mengetahui apakah akan dilakukan semasa selepas daripada sebulan sekali berlakunya beberapa kecemasan-kecemasan di tempat-tempat tersebut?

Dato' K. Kumaran: Pesakit-pesakit boleh dibawa ke hospital ataupun pusat-pusat kesihatan berdekatan dengan kampung berkenaan (*Ketawa*) dengan budibicara sendiri. Badan-badan seperti Jawatankuasa Kemajuan Kampung ataupun badan-badan sukarela boleh juga membantu untuk membawa pesakit-pesakit ke tempat-tempat yang tertentu. Pada masa ini, ini juga ada peruntukan. (*Ketawa*)

PENIPUAN MENEMBUSI SISTEM KOMPUTER

8. Lt. Kol (B) Ibrahim bin Sareh minta Menteri Kewangan yang menyatakan apakah langkah-langkah positif untuk membanteras penipuan yang menggunakan kaedah-kaedah yang canggih untuk menembusi sistem komputer institusi kewangan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mengelak dan membanteras penipuan menembusi sistem komputer di institusi kewangan sebahagian besarnya terletak di bawah tanggungjawab pihak-pihak yang melaksanakan sistem itu sendiri. Mereka perlu mewujudkan sistem itu dengan kaedah-kaedah dan peraturan keselamatan yang kukuh bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya penipuan sama ada daripada kalangan orang luar ataupun kakitangan mereka sendiri.

Pelaksanaan sistem itu juga perlu diawasi daripada semasa ke semasa bagi mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang mungkin boleh diambil kesempatan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk melakukan penipuan ataupun penyelewengan.

Sebagai pengawal dan pengawas kepada institusi-institusi kewangan berlesen, Bank Negara Malaysia juga telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan pelaksanaan sistem komputer di kalangan institusi-institusi kewangan berlesen berjalan dengan sempurna dan meyakinkan.

Di antara langkah-langkah itu termasuklah:

- (i) mengenakan syarat kepada institusi-institusi kewangan berlesen supaya mendapat kelulusan Bank Negara terlebih dahulu sebelum melaksanakan sesuatu sistem pemindahan wang secara elektronik;
- (ii) mewujudkan dua garis-panduan mengenai penggunaan komputer oleh institusi-institusi kewangan. Garispanduan-garispanduan itu ialah garispanduan bagi kawalan keselamatan untuk sistem urusan bank secara elektronik. Ia meliputi berbagai aspek keselamatan yang berkaitan dengan urusan bank

secara elektronik termasuk aspek keselamatan pelanggan dan peraturan bagi kakitangan yang menyelenggarakan keselamatan data; dan garis panduan bagi kawalan audit ke atas rangkaian kongsi Mesin Teller Automatik (ATM) yang meliputi penguatkuasaan kawalan sistem dan memelihara kerahsiaan data pelanggan-pelanggan yang dipindahkan secara elektronik melalui rangkaian sius;

- (iii) membuat pemeriksaan dari masa kesemasa ke atas sistem komputer institusi-institusi kewangan bagi memastikan mereka mematuhi sepenuhnya garis panduan yang dikeluarkan. Pemeriksaan ini dijalankan oleh Pasukan Juruaudit EDP (Electronics Data Processing) Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara juga sentiasa mengingatkan institusi-institusi kewangan supaya menilai dan menguji sistem keselamatan mereka dari masa ke semasa dan memperbaiki dengan segera mana-mana kelemahan yang dikenalpasti oleh mereka.

Dengan langkah-langkah yang dilaksanakan itu adalah diharapkan agar penggunaan sistem komputer di kalangan institusi-institusi kewangan di negara kita ini akan terus berjalan dengan sempurna dan terhindar daripada sebarang gangguan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah penipu ataupun electronic-sophisticated thieves yang dapat dikesan oleh Kerajaan setakat ini dan berapakah yang dapat dikesan di dalamnya, maknanya dalam bank-bank atau institusi-institusi kewangan, mereka sebagai pekerja

dalam mungkin mereka jadi pencuri. Begitu juga orang-orang luar yang terlibat di dalam kes tersebut.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan itu meminta berkenaan berapa ramai penipu. Saya tidak ada angka mengenai berapa orang penipu terlibat dalam kes ini. Tetapi saya boleh memberitahu Ahli Yang Berhormat yang berkenaan beberapa kes penipuan yang terlibat.

Pada akhir Jun 1991, iaitu tahun ini sebanyak 1,026 kes penipuan, yang ada kaitan dengan sistem komputer khususnya mengenai penggunaan kad plastik iaitu kad ATM dan juga kad kredit, telah dilaporkan kepada Bank Negara yang melibatkan wang sejumlah \$3.6 juta. Dari jumlah tersebut, sebanyak 561 aduan iaitu sejumlah \$0.6 juta melibatkan penggunaan kad ATM dan baki sebanyak 465 iaitu sejumlah \$3 juta melibatkan kad kredit.

Setelah siasatan dibuat, Tuan Yang di-Pertua, didapati sebanyak 547 kes yang melibatkan kad ATM adalah berpunca dari kecuaiannya pemilik kad itu sendiri. Manakala 14 kes lagi masih di dalam siasatan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa kes-kes penipuan melalui ATM itu tidak membabitkan kakitangan bank dan apa yang berlaku adalah kegagalan ataupun kecuaiannya pemegang kad itu sendiri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara juga adalah satu institusi kewangan iaitu yang bertanggungjawab kepada seluruh perjalanan sistem kewangan negara kita. Saya ingin mengetahui apakah kes Che Mad Che Mud & Co. iaitu kes Che Mad Che Mud yang menipu Bank Negara sebanyak \$22 juta yang merupakan satu penipuan yang menggunakan sistem komputer, apakah pihak Bank Negara ataupun Kementerian Kewangan sudah memper-

olehi siasatan hasil daripada penipuan tersebut dan mengenalpasti apakah punca-puncanya. Apakah ianya melalui komputer, terutamanya mendapat maklumat ataupun data-data yang membolehkan mereka membuat penipuan yang begitu besar? Itu persoalan yang pertama.

Kedua, saya ingin mengetahui apakah melalui sistem komputer ini, maka sistem perjalanan kewangan di negara kita sudah sampai masanya di mana pengesahan dokumentasi tidak diperlukan lagi?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan tambahan yang pertama, saya ingin minta maaf kerana ini adalah satu kes yang begitu spesifik. Oleh kerana soalan asal adalah soalan yang begitu general jadi saya tidak mempunyai butir-butir berkenaan dengan the latest development about this case, dengan izin, dan jikalau perlu, Kementerian saya boleh jawab secara bertulis.

Mengenai dengan soalan tambahan yang kedua, saya minta Yang Berhormat tolong ulangi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Abdul Malek Munip.

JAMBATAN MERINTASI SUNGAI MUAR

9. Tuan Abdul Malek Munip minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk membina sebuah lagi jambatan merintasi Sungai Muar untuk Bandar Maharani; dan
- (b) jika ada, bilakah akan dimulakan dan berapakah peruntukannya. Jika tidak, apakah sebabnya.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk membina sebuah lagi jambatan merintasi Sungai Muar untuk Bandar Maharani oleh kerana jambatan yang sedia ada masih berupaya untuk memenuhi keperluan trafik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Ahmad.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad tidak hadir)

UNDANG-UNDANG BURUH

11. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah masalah yang dihadapi dalam memperluaskan dan menyeragamkan undang-undang buruh di negara ini;
- (b) bilakah Akta Pekerjaan 1955 dapat diperluaskan ke Sabah dan Sarawak; dan
- (c) apakah penghalang utama bagi memanjangkan Akta ini ke Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan:

- (a) pada amnya tidak ada kesukaran bagi Kerajaan melaksanakan undang-undang buruh secara seragam di negara ini. Buat masa ini undang-undang seperti Akta Kesatuan Sekerja 1959, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta Sekatan Kerja 1968, Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Agensi Pekerjaan 1981, Akta Pampasan Pekerja 1952 dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969, telah dikuatkuasakan di

seluruh negara. Walau bagaimanapun, pemakaian syarat-syarat dalam Akta Kerja 1955 belum dapat diseragamkan lagi.

- (b) Kementerian Sumber Manusia sedang berusaha dengan giat untuk memperluaskan pemakaian peruntukan-peruntukan Akta Kerja 1955 kedua-dua negeri tersebut dan satu keputusan sama ada memanjangkan pemakaian Akta Kerja 1955 ke Sabah dan Sarawak atau menerapkan peruntukan-peruntukan mengenai faedah-faedah utama yang termaktub dalam Akta Kerja tahun 1955 ke dalam Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak akan dibuat sebaik sahaja rundingan mengenainya selesai nanti.
- (c) Mengikut Laporan, dengan izin, Inter-Governmental Committee 1962, perkara perburuhan adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi laporan tersebut ada menetapkan juga bahawa penyeragaman syarat-syarat pekerjaan di dalam undang-undang buruh di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak perlu dirundingkan dan dipersetujui terlebih dahulu. Dalam hubungan ini Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan beberapa mesyuarat dengan pihak-pihak berkenaan di Sabah dan Sarawak semenjak tahun 1984. Kementerian Sumber Manusia difahamkan perkara utama yang perlu diteliti ialah implikasi ke atas ekonomi Negeri Sabah dan Negeri Sarawak jika faedah-faedah pekerjaan di bawah Akta Kerja 1955 dilaksanakan sepenuhnya di kedua-dua negeri tersebut. Kementerian Sumber Manusia yakin perkara ini dapat diatasi dalam rundingan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berbangkit daripada soalan 11(a), dari segi keseragaman pelaksanaan undang-undang buruh di negara ini, khususnya berhubung dengan Had Gaji Minima, saya difahamkan mengikut undang-undang yang sedang berjalan sekarang Had Gaji Minima hanya terpakai bagi beberapa jenis perkhidmatan seperti pembantu restoran, pembantu stesyen minyak dan sebagainya dan tidak terpakai kepada perkhidmatan-perkhidmatan lain. Hasilnya ialah pekerja-pekerja kilang mendapat upah mengikut persetujuan yang dicapai di antara pekerja dengan majikan masing-masing. Soalan saya, adakah Kerajaan berniat untuk mengenakan Had Gaji Minima kepada semua perkhidmatan yang menggunakan buruh di negara ini, khususnya kepada pekerja-pekerja kilang, kerana masalah yang dihadapi oleh kilang-kilang sekarang ini ialah kekurangan tawaran tenaga buruh dan salah satu sebab mengapa mereka ini tidak mahu bekerja di kilang ialah kerana gaji yang begitu murah. Jika diadakan Had Gaji Minima, mungkin masalah ini dapat diatasi.

Dato' M. Mahalingam: Setakat ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengadakan Had Gaji Minima.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi ada dinyatakan oleh Timbalan Menteri berkenaan bahawa apa jua perkara yang ada berkaitan dengan buruh adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Persekutuan. Persoalan saya ialah mengapakah terdapatnya perbezaan undang-undang buruh di negara ini sedangkan semuanya adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Persekutuan dan lebih-lebih lagi ianya adalah di bawah Kementerian yang sama. Jadi, mengapakah perbezaan ini boleh terwujud lagi?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan daripada Yang Berhormat berkenaan, cadangan-cadangan untuk meminda Ordinan Buruh negeri Sabah dan Sarawak telah dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri masing-masing sejak tahun 1988, tetapi sehingga kini Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan belum lagi memberi keputusan terhadap cadangan-cadangan tersebut.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan perluasan atau pemakaian Akta Pekerjaan 1955 ke Sabah dan Sarawak ini tidak dapat dilaksanakan oleh sebab kedua-dua negeri ini sekiranya memakai Akta tersebut akan menerima kerugian. Peruntukan manakah yang menyatakan sedemikian?

Dato' M. Mahalingam: Saya minta ulang lagi soalan.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Saya ingin mendapat tahu peruntukan mana di dalam Akta ini yang mengatakan sekiranya pemakaian Akta ini dilaksanakan di Sabah dan Sarawak, ia akan merugikan kedua-dua negeri tersebut?

Dato' M. Mahalingam: Implikasinya ialah dari segi ekonomi di negeri Sabah dan Sarawak, yang berbeza dengan ekonomi di Semenanjung Malaysia ataupun West Malaysia, dengan izin.

PENYAKIT DEMAM DENGGI

12. Tuan Wong Wing On minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kes penyakit demam denggi yang berlaku dalam tempoh Januari hingga Jun tahun 1991, pecahan kes ini mengikut negeri.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes-kes penyakit demam denggi yang dilaporkan bagi negeri-negeri di Malaysia dari Januari hingga Jun 1991 adalah seperti berikut:

Perlis	6
Kedah	23
Pulau Pinang	187
Perak	264
Selangor	266
W. Persekutuan	631
Negeri Sembilan	121
Melaka	29
Johor	668
Pahang	85
Terengganu	34
Kelantan	51
Sabah	33
Sarawak	695
Jumlah:	3,093

KERETAPI TANAH MELAYU— PRESTASI KEWANGAN

13. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengenai Keretapi Tanah Melayu:

- prestasi kewangannya di setiap-tiap tahun di antara 1985—1991, terutama sekali pinjamannya, kerugian tahunan dan terkumpul;
- sebabnya tambang keretapi dinaikkan di antara 5%-15% mulai dari Oktober, 1991 dan adakah satu penilaian awam dibuat untuk menentukan sama ada kadar ini wajar;
- adakah beliau sedar bahawa kenaikan ini tidak cerdik dari segi perniagaan kerana menyebabkan tambang keretapi lebih mahal dari tambang kapal terbang seperti tambang mel 10.00 malam Kuala Lumpur—Butterworth sebanyak \$79.50 yang lebih mahal dari tambang

kapalterbang KL—Penang khas pada larut malam dan waktu subuh dan kalau ia apakah tindakan yang akan diambil; dan

- (d) apakah tambahan pungutan kewangan yang dijangka dikutip setiap tahun dari kenaikan tambang ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Prestasi kedudukan operasi Keretapi Tanah Melayu adalah bertambah baik setiap tahun, daripada kerugian operasi sebanyak \$27.1 juta pada tahun 1985 kepada keuntungan operasi sebanyak \$11.6 juta pada tahun 1990. Butir-butir mengenai prestasi kewangan adalah seperti berikut:

	1985 (Juta)	1986 (Juta)	1987 (Juta)	1988 (Juta)	1989 (Juta)	1990 (Juta)
Kedudukan pinjaman jangka panjang	833.6	910.9	1,183.2	1,214.0	1,232.4	1,315.2
Keuntungan/ Kerugian Operasi tahunan:	(27.1)	(26.0)	(22.3)	1.5	2.9	11.6

Kerugian terkumpul sehingga penghujung tahun 1990 ialah \$778.4 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Tambang keretapi dinaikkan mulai 1hb Oktober, 1991 kerana keseluruhan perbelanjaan kos operasi telah meningkat dengan ketara. Pelaburan yang tinggi telah dibelanjakan untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan keretapi. Memandangkan bahawa tambang tersebut telah tidak dinaikkan semenjak 1984, Keretapi Tanah Melayu (KTM) telah melantik pakar perunding untuk menjalankan kajian mendalam bagi menentukan kadar atau quantum kenaikan yang

munasabah dengan mempertimbangkan kriteria-kriteria berikut:

- (i) Quantum yang boleh menampung kesemua jumlah kos ataupun sebahagian besar jumlah kos;
 - (ii) Quantum yang tidak menyebabkan kehilangan penumpang yang ketara; dan
 - (iii) Quantum yang dapat bersaing dengan lain-lain mod pengangkutan.
- (c) Dalam menentukan kadar tambang yang munasabah, KTM telah membuat perbandingan dengan mod pengangkutan yang lain seperti MAS (tambang ekonomi), bas dan teksi.

Tambang Kelas I KTM telah dibandingkan dengan tambang ekonomi MAS, manakala tambang Kelas III KTM telah dibandingkan dengan tambang bas. Bagi Kelas II, KTM tidak menghadapi persaingan kerana Kelas II telahpun mempunyai captive marketnya sendiri, dengan izin.

Tambang perjalanan Kelas I KTM dengan tempat tidur telahpun dibandingkan dengan tambang khas larut malam dan waktu subuh MAS. Perjalanan KTM Kelas I adalah satu kemudahan di mana penumpang dapat tidur dengan selesa dalam perjalanan mereka. Tempahan hotel tidak diperlukan. Kajian menunjukkan bahawa kemudahan ini diminati oleh ramai penumpang.

Oleh yang demikian, adalah didapati bahawa kadar tambang baru KTM boleh bersaing dengan mod-mod pengangkutan lain.

- (d) Dengan kadar kenaikan ini, KTM menjangka akan memperolehi pendapatan tambahan sebanyak \$10 juta setahun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup .

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 10 dan 14 hingga 21 adalah diberi di bawah ini)

GURU PELATIH KURSUS PENGAJARAN CINA

5. Tuan Robert Lau Chiew minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah pengambilan pelajar ke Kursus Latihan bagi SRB Aliran Cina di Maktab Latihan Penguruan di Miri bagi tahun 1991/1992 dan berapa orangkah daripada mereka berasal dari Semenanjung Malaysia;
- (b) berapa ramaikah pelajar Sarawak yang memohon untuk membuat Kursus Latihan Penguruan bagi SRB Aliran Cina di Maktab Latihan Penguruan, Miri dan berapa ramaikah di antaranya ditolak;
- (c) sama ada untuk membenarkan semua guru sambilan di SRB Aliran Cina untuk dilatih dengan menurunkan taraf Bahasa Malaysia kepada berpengalaman Kursus Latihan Penguruan semasa musim cuti tanpa memandang umur mereka. Jika tidak, kenapa; dan
- (d) sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan untuk mengambil dan melatih pelajar, iaitu pelajar-pelajar yang telah lulus Chinese Senior Middle III berserta lulus dalam Bahasa Malaysia SPM. Jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jumlah guru pelatih Kursus Pengajaran Cina di Maktab Perguruan Sarawak di Miri pada sesi pengambilan Jun 1991 adalah seramai 87 orang yang terdiri daripada 11 orang lelaki dan 76 orang perempuan. Semua calon yang mengikuti kursus ini berasal dari negeri Sarawak.
- (b) Bilangan permohonan calon-calon dari Sarawak untuk mengikuti Kursus Perguruan Pengajian Cina bagi tahun 1990, 1991 dan 1992 adalah seperti berikut:

Tahun	Unjuran	Bilangan Permohonan	Daftar
1990	60	201	58
1991	90	440	87
1992	90	(masih dalam pemrosesan berkomputer)	

- (c) Kementerian Pendidikan memang memberikan beberapa kelonggaran syarat kemasukan ke Maktab-maktab Perguruan kepada guru-guru sementara di Sabah dan Sarawak. Di antaranya ialah kelonggaran syarat umur tidak melebihi 32 tahun untuk mengikuti program Kursus Dalam Cuti. Mereka perlu mempunyai pengalaman mengajar tidak kurang daripada 3 tahun di sekolah-sekolah Kerajaan dan hanya lulus dalam matapelajaran Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
- (d) Kementerian Pendidikan hanya mengiktiraf sijil SPM/MCE/SPMV atau STP/HSC/STPM sebagai kelayakan akademik bagi mengikuti Program Kursus Perguruan di Maktab-maktab Perguruan Malaysia. Sehubungan itu, kelayakan yang selain daripada yang telah ditetapkan tidak akan diterima, termasuk Chinese Senior Middle Three.

**LATIHAN MENGEBOM TUDM
DI PULAU PINANG SONGSONG,
KEDAH**

10. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan :

- (a) mengapa tempat latihan mengebom TUDM di Pulau Pinang Songsong, Kedah tidak dipindah ke Pulau-pulau lain yang sering dirayu oleh nelayan dan mengancam matapencarian mereka; dan
- (b) adakah Kementerian sedar yang pulau-pulau kecil di hadapan pantai Yan seperti di Pulau Bidan dan Pulau Telor seban hari dikunjungi pelancong dari luar dan dalam negeri. Tindakan dari latihan dan kem tentera di pulau-pulau tersebut mengancam pelancongan dan perikanan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Lapangasar Pulau Songsong digunakan untuk melatih juruterbang pejuang dalam penggunaan persenjataan seperti gunnery, bom dan roket. Lapangasar ini mempunyai ciri-ciri yang amat sesuai dan ideal untuk tujuan tersebut. Di samping itu, pengkalan pesawat pejuang di Butterworth berhampiran dengan pulau itu dan keadaan ini cukup praktikal menampung latihan.

Kementerian sedar tentang kunjungan para pelancongan dan nelayan ke sekitar kawasan tersebut. Setiap kali TUDM melaksanakan latihan di Lapangasar itu, langkah yang begitu rapi diambil untuk menentukan keselamatan orang ramai tidak terjejas. Kawalan yang ketat diwujudkan supaya tiada para nelayan atau pelancong memasuki lingkungan kawasan bahawa semasa 'live firing/bombing'.

**HOSPITAL SWASTA—KOS
RAWATAN**

14. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar kelengkapan perbuatan moden dan rawatan pakar di hospital swasta hanya mampu dimanfaatkan oleh golongan kaya kerana bayaran yang tinggi; dan
- (b) tidakkah Kerajaan bercadang memberi subsidi kepada golongan miskin bagi menggunakan kelengkapan moden dan rawatan pakar di hospital swasta.

Dato' K. Kumaran:

- (a) Kerajaan memang sedar bahawa kos rawatan di hospital-hospital swasta adalah lebih tinggi dari kos rawatan di hospital-hospital Kerajaan dan mungkin hanya digunakan oleh golongan-golongan tertentu sahaja.
- (b) Kebanyakan hospital-hospital besar Kerajaan ada menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kepakaran dan dilengkapi dengan peralatan-peralatan moden. Pesakit-pesakit dari hospital-hospital daerah Kerajaan yang berdekatan akan dirujuk ke hospital-hospital besar Kerajaan untuk mendapat rawatan kepakaran sekiranya perlu. Bagi hospital-hospital Kerajaan yang tidak mempunyai perkhidmatan tertentu, Kerajaan juga membuat peraturan untuk menghantar pesakit-pesakit yang perlu ke pusat-pusat rawatan swasta untuk menjalani prosedur diagnosis dan rawatan yang tertentu seperti C.T. Scan dan Radiotherapy. Memandangkan ini, subsidi kepada golongan miskin bagi menggunakan perkhidmatan di hospital swasta tidak timbul.

GURU DINAIKKAN PANGKAT

15. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Menteri Pendidikan menyatakan sejak pelaksanaan gaji dua skim untuk guru sekolah dilaksanakan:

- (a) berapa ramaikah guru yang dinaikkan pangkat berasaskan jawatan, gred di sekolah menengah dan rendah;
- (b) jumlah perbelanjaan yang terlibat akibat gaji dua skim ini; dan
- (c) masalah-masalah yang timbul akibat pelaksanaannya dan sejauh manakah langkah itu dibuat untuk mengurangkan masalah tersebut.

Dr. Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang pelaksanaan Dua Skim Perkhidmatan Pendidikan yang berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1989, seramai 414 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Tingkatan Biasa dan 185 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Tingkatan Kanan telah dinaikkan pangkat ke Tingkatan Kanan dan Tingkatan Tertinggi 'G'.

Kementerian juga menjalankan urusan pemangkuan secara kumpulan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Tingkatan Biasa untuk mengisi sebanyak 2,244 jawatan Tingkatan Kanan dan 52 jawatan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Tingkatan Tertinggi 'G'.

Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah seramai 31,856 telah diberi peningkatan daripada Skel Gaji C8 kepada Skel Gaji B10 dan seramai 8,433 telah diberi peningkatan daripada Skel Gaji B10 kepada Skel Gaji B8 mulai 2hb Januari, 1989. Walau bagaimanapun, untuk makluman

Yang Berhormat, urusan kenaikan pangkat bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Bukan Siswazah tidak semua dapat diisi kerana penyandang-penyandang yang sedia ada telah ditempatkan di jawatan-jawatan kenaikan pangkat berkenaan secara Khas untuk Penyandang.

- (b) Pertambahan belanja Kerajaan untuk melaksanakan Dua Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan ini dianggarkan sebanyak \$144 juta setahun bagi gaji dan Elaun Khidmat Awam dan \$46.5 juta bagi mengendalikan Kursus Peningkatan Keilmuan.
- (c) Salah satu masalah utama yang timbul akibat pelaksanaan Dua Skim Perkhidmatan Pendidikan adalah seperti berikut:

- (i) penggredan semula sekolah menengah Gred C dan D menjadi Gred B memerlukan masa untuk menyelaraskan perlantikan penyandang-penyandang kepada tempat-tempat yang bersesuaian mengikut gred dan pegawai-pegawai yang berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan masih dalam peringkat perbincangan dengan Agensi Pusat dalam menentukan kriteria penggredan sekolah.

LEMBAGA PENGURUS DI SEKOLAH BANTUAN PENUH

16. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Pengerusi dan Jawatan-kuasa Lembaga Pengurus di sekolah-sekolah Kerajaan masih berfungsi lagi;

- (b) benarkah bahawa Kerajaan akan menghapuskan Lembaga Pengurus ini kerana di sekolah telah ada Persatuan Ibu Bapa dan Guru; dan
- (c) tidakkah bercanggah bidang tugas Lembaga Pengurus Sekolah dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Pada hakikatnya, Lembaga Pengurus di Sekolah bantuan dan
- (b) Penuh milik Kerajaan tidak mempunyai fungsi lagi oleh kerana pentadbiran dan pengurusan kewangan, kakitangan, kemudahan dan pentadbiran sekolah adalah tanggungjawab Kementerian Pendidikan sepenuhnya. Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah Bantuan Penuh juga memainkan peranan dalam kutipan wang bagi projek-projek peningkatan kemudahan-kemudahan sekolah. Manakala di Sekolah Bantuan Penuh bukan milik Kerajaan (Sekolah Bantuan Modal) fungsi Lembaga Pengurus ini terhad kepada pentadbiran tabung Lembaga itu sendiri, pengurusan bangunan dan tapak sekolah.
- (c) Boleh dikatakan bahawa tugas Lembaga Pengurus Sekolah dan tugas Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bertindih, bukannya bercanggah.

MAKTAB PERGURUAN GURU-GURU PRA-SEKOLAH

17. Datuk Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mewujudkan maktab bagi melatih guru-guru pra-

sekolah (TADIKA) untuk memperingkatkan lagi mutu pengajaran TADIKA dan memastikan bahawa guru-guru TADIKA mendapat latihan yang cukup. jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mewujudkan maktab-maktab perguruan khas untuk melatih guru-guru pra-sekolah. Maktab-maktab perguruan yang sedia ada masih mampu mengeluarkan guru-guru pra-sekolah yang mahir untuk keperluan program pendidikan pra-sekolah.

Mulai tahun 1991, seramai 3,121 orang pelatih telahpun diambil untuk mengikuti Kursus Perguruan Asas dengan Pengkhususan Pendidikan Pra-sekolah. Di samping itu, seramai 160 orang guru terlatih telah dipilih untuk mengikuti Kursus Dalam Perkhidmatan Sijil Perguruan Khas selama 1 tahun bagi keperluan pendidikan pra-sekolah.

PENERAPAN UNSUR-UNSUR ISLAM

18. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah unsur-unsur keislaman yang dipraktik di dalam setiap program Kementerian supaya tenaga muda tersebut dapat dibentuk bukan hanya cergas dan sihat dari segi jasmani sahaja tapi mantap juga dari segi akhlak dan prinsip.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Setakat ini, Kementerian Belia dan Sukan telahpun mewujudkan Cawangan Hal Ehwat Islam bagi mengendalikan segala aktiviti yang bercorak keagamaan seperti muzakarah, seminar, kursus dan khidmat nasihat untuk dipraktik di dalam setiap program Kementerian.

Di samping itu, semua kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan sama ada di peringkat daerah, negeri ataupun kebangsaan diisi dengan ceramah-ceramah agama kuliah subuh dan maghrib dalam berbagai bidang yang melibatkan Fardhu Ain dan Fardhu Khifayah.

Penerapan unsur-unsur Islam dalam program-program ini adalah bertujuan untuk membentuk akhlak dan peribadi golongan belia berasaskan prinsip yang dituntut oleh Islam.

AIDS—PELACUR YANG DIPERIKSA

19. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan pelacur yang diperiksa oleh Kementerianya;
- (b) bilangan yang diperiksa dan didapati mengidap penyakit AIDS; dan
- (c) sama ada Kementerian mengambil langkah-langkah untuk menahan dan memaksa pesakit yang berpenyakit AIDS itu mendapat rawatan segera.

Dato' K. Kumaran: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21hb Oktober, 1991.

PENYAKIT AIDS—MENCEGAH

20. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan di dalam usaha untuk mencegah penyakit AIDS dari terus merebak di negara ini;

(b) berapakah bilangan mangsa yang terlibat dari segi jumlah kematian dan dijangkiti bermula dari tahun 1979 hingga 1991; dan

(c) apakah langkah yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menghalang kemasukan pelacur dari Thailand yang membawa kuman AIDS ke negara ini, khususnya melalui Kelantan.

Dato' K. Kumaran: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21hb Oktober, 1991.

PENYAKIT AIDS—PEMERIKSAAN

21. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kerajaan akan mengadakan undang-undang untuk memeriksa seseorang yang mengidap penyakit AIDS untuk menjalani peperiksaan dan sekiranya disahkan positif satu sijil perlu dikeluarkan kepadanya; dan
- (b) adakah pihak Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap pembawa penyakit AIDS supaya masalah itu tidak merebak dan menjadi serius sepertimana penyakit "Vietnam Rose" yang telah melanda negara Amerika Syarikat pada tahun 1960an akibat peperangan di Vietnam.

Dato' K. Kumaran: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telah pun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21hb Oktober, 1991.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Mengawal Sikap dan Tingkah Laku di Dalam Dewan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Sila.

3.35 ptg.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, dengan niat yang ikhlas dan perasaan yang bertanggungjawab demi untuk menjaga nama baik Dewan yang mulia ini, sebagai Dewan Perundangan yang tertinggi di mana Ahli-ahlinya dipilih oleh rakyat, maka saya memohon izin, Tuan Yang di-Pertua, agar Majlis Mesyuarat pada hari ini, 3hb Disember, 1991 ditangguhkan bagi merunding perkara-perkara tertentu untuk kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Teks usul saya adalah seperti berikut:

Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18, Majlis Mesyuarat hari ini meluluskan permohonan Ahli Parlimen Kota Setar, Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan dengan tujuan untuk merundingkan perkara-perkara yang tertentu demi untuk kepentingan orang ramai, yang perlu disegerakan iaitu tentang sikap segolongan Ahli-ahli Dewan yang tidak menghormati Yang di-Pertua, tidak menghormati Dewan Rakyat yang mulia, menunjukkan sikap-sikap yang samseng, degil dan biadab, menggunakan perkataan-perkataan yang unparliamentary atau menunjukkan tanda-tanda lucah di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini, Dewan yang sepatutnya menjadi satu tempat yang

mulia di mana undang-undang negara dibahas dan diluluskan, masalah-masalah rakyat dibincang dan diatasi, sudah menjadi suatu tempat yang memalukan di mana sifat dan sikap segolongan Ahli-ahli Dewan yang tidak menghormati Dewan, tidak menghormati Yang di-Pertua dan menggunakan perkataan-perkataan yang kesat dan biadab yang bukan sahaja tidak layak disebut di dalam Dewan ini, bahkan tidak patut disebut di rumah-rumah ataupun di kedai kopi.

Sebagai contohnya pada hari Jumaat, 29hb November, 1991 di mana Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri semasa menggulung, pertengkaran mulut telah berlaku di antara Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri dengan Ahli-ahli Pembangkang. Di dalam suasana itu terdapat perkataan-perkataan dan keadaan yang amat memalukan dan menjatuhkan maruah agama, bangsa dan negara. Saya tidak mahu menyebut sebarang contoh di sini, oleh sebab perkataan-perkataan ini tidak harus diulang dan tujuan saya adalah untuk menghapuskan perkara-perkara seperti ini daripada berulang.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini adalah hak orang ramai, hak rakyat. Ahli-ahlinya adalah dipilih oleh orang ramai, oleh rakyat. Oleh itu, jika Dewan yang menjadi hak kepunyaan orang ramai dan hak rakyat ini dicemar dan dihina, maka saya rasa adalah perlu supaya sesuatu tindakan diambil oleh pihak yang berkuasa supaya keadaan tidak bertambah buruk, Dewan kembali menjadi suatu tempat yang benar-benar mulia di mana Ahli-ahlinya dipandang tinggi dan dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon agar perkara ini perlu dibincangkan dengan segera, oleh sebab jika keadaan ini dibiarkan berlanjutan, saya khawatir keadaan akan bertambah buruk, yang degil akan bertambah degil, yang haru-

biru akan bertambah haru-biru, yang samseng akan bertambah samseng, yang biadab akan bertambah biadab. Kesudahannya apa akan terjadi kepada Dewan ini?

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu berdoa kepada Allah Subhanahu wa-Taala, semoga kita diberi hidayah untuk mentadbir masyarakat majmuk ke jalan aman, makmur dan bahagia. Kita sentiasa meminta supaya Allah Subhanahu wa-Taala memandu kita ketika kita berunding dan bertukar-tukar fikiran dengan adil dan amanah. Dengan yang demikian, dengan usul ini, saya dengan ikhlas berharap Ahli-ahli Yang Berhormat, menghormati di antara satu dengan lain, terutama sekali kepada Yang di-Pertua Dewan yang telah dipilih untuk mentadbir seluruh Dewan ini. Mudah-mudahan dengan sifat hormat-menghormati ini, Dewan ini akan kekal sebagai Dewan yang mulia. Oleh itu saya membawa perkara ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18, agar Dewan ini ditangguh pada hari ini bagi membincangkan perkara yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita katakan kita setuju, oleh kerana khasnya di dalam Hansard ada tercatat:

“Othman bin Abdul: Duduklah, bullshit you.

Othman bin Abdul: Laknat, kafir laknat.”

Ini semua perkataan-perkataan yang tak patut digunakan. Saya harap kita boleh bahas. Apakah boleh digunakan “bullshit”, “laknat” oleh Setiausaha Parlimen sendiri. *(Tepuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Beri peluang Tuan Yang di-Pertua untuk membuat keputusan.

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, bertenang ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar pagi ini. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu, syarat yang kedua ialah, adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah, ia berkehendakkan disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu, perkara ini bagi kepentingan orang ramai.

Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa perkara ini tidak perlu disegerakan. Saya berpendapat bahawa perkara ini tidak perlu dibahas dengan segera sehingga menangguhkan Mesyuarat hari ini kerana pertamanya, ia telah berlaku. Dan keduanya, Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri boleh menghindarkannya.

Tetapi sungguhpun begitu, ini tidak bermakna kita tidak patut menghormati Dewan. Adalah wajar kita menjaga tahap kesopanan dan peradaban kita pada setiap masa bila mengambil bahagian di dalam perbahasan di dalam Dewan ini.

Pada amnya tidak seorang pun dari kita suka hendak menggunakan perkataan-perkataan yang kesat atau unparliamentary. Tetapi ada sebilangan kecil daripada kita yang tidak dapat menguasai perasaan pada saat-saat yang

terdesak dan terus didorong untuk menggunakan perkataan-perkataan kasar dan kesat. Berbangkit dengan perbuatan ini, maka timbullah tindak balas dari satu pihak lagi.

Oleh kerana itu saya meminta kepada sebilangan yang kecil ini agar mengawal perasaan mereka dan mengelakkan daripada menggunakan perkataan-perkataan kesat atau kasar atau unparliamentary dan mengelakkan daripada menunjukkan tanda-tanda lucah.

Perbahasan akan menjadi lebih berkesan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menggunakan perkataan-perkataan dengan penuh sopan. Peraturan Mesyuarat kita jelas melarang Ahli-ahli Yang Berhormat daripada menggunakan perkataan-perkataan yang boleh menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Oleh itu, haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat mematuhi Peraturan-peraturan Mesyuarat dan mengelakkan penggunaan bahasa kesat atau kasar supaya Parlimen boleh terus menjadi tempat belajar untuk murid-murid sekolah yang sering datang menyaksikan peranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Oleh sebab perkara ini tidak harus disegerakan, dengan ini saya menolak Usul Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar untuk menangguhkan Mesyuarat hari ini mengikut Peraturan Mesyuarat 18, dengan penuh harapan bahawa Dewan kita akan berubah menjadi bersopan santun di masa hadapan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah buat satu ruling oleh kerana perkataan-perkataan unparliamentary "bullshit, laknat, kapiak laknat" sudah digunakan oleh Setiausaha Parlimen, bolehkah beliau diminta supaya tarik balik dan minta maaf kepada Dewan yang mulia ini? *(Tepuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, perkara ini adalah permohonan di bawah Peraturan Mesyuarat 18, seharusnya apabila berlaku perkara itu, Yang Berhormat bangun untuk membangkitkan soal yang telah dibangkitkan. Perkara ini sudah berlalu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan Anggaran Pembangunan 1992 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **(Hari Kelima)**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua mempergunakan Jawatankuasa)

Maksud B.19 (Jadual)—

Maksud P.19 (Anggaran Pembangunan, 1992)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Klang, sila sambung, 12 minit.

3.45 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang sikap

LPN yang berat sebelah dan tidak adil dalam memberi layanan kepada semua pengilang-pengilang padi. LPN lebih mengutamakan pengilang-pengilang padi bumiputera, baik dalam soal pemberian padi mahupun perkhidmatan. Apakah LPN ditubuhkan semata-mata untuk membantu satu-satu golongan sahaja dan membiarkan golongan lain bersendirian menghadapi cabaran.

Tuan Pengerusi, LPN perlulah adil dalam melayani semua pengilang padi seluruh negara. LPN sudah menjangka sejak awal lagi bahawa negara akan mengalami kekurangan bekalan beras sepanjang tahun 1991 sehingga di bandar Klang sendiri pada beberapa bulan lalu mengalami kekurangan beras termasuk beras pulut tetapi DAP kesal kerana LPN mengambil sikap tidak serius sejak dari awal untuk memastikan bekalan cukup untuk sepanjang tahun.

Tuan Pengerusi, apa yang lebih mendukacitakan lagi ialah apabila LPN membuka lebih banyak kompleks pembelian padi daripada pesawah-pesawah di Kedah dan Perlis dan memaksa semua pesawah menjualkan padi mereka kepada LPN. Dan ini menyebabkan pengilang-pengilang padi bukan bumiputera terjejas dan tiada perniagaan. Ramai pengilang bukan bumiputera menutup perniagaan kerana pesawah-pesawah tidak lagi menjualkan padi kepada mereka akibat perbuatan LPN yang berat sebelah.

Tuan Pengerusi, sebagai rakyat dan warganegara Malaysia, mereka pun memerlukan perniagaan untuk hidup tetapi jika LPN sudah bersikap berat sebelah dan tidak adil, lebih suka pengilang-pengilang bukan bumiputera tutup perniagaan, maka perbuatan LPN adalah perbuatan tidak sihat dan dilakukan oleh agensi-agensi Kerajaan terhadap rakyat. LPN wajar menukar sikap sekarang supaya bukan sahaja memberi perhatian dan tumpuan untuk

membangun dan memajukan pengilang-pengilang bumiputera tetapi rakyat negara ini lainnya. Jika ramai pengilang padi bukan bumiputera yang terpaksa menutup perniagaan, tiada siapa yang patut disalahkan kecuali LPN sendiri.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Kerajaan, bagaimana kedudukan perbincangan antara LPN dengan pihak berkuasa Vietnam tidak lama dahulu tentang cadangan untuk menjalankan projek usahasama menanam padi di negara tersebut. Apakah susulan yang dibuat terhadap projek itu.

Tuan Pengerusi, merujuk Butiran 00100 Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di bawah Maksud P.19, mukasurat 86.

DAP sedari dan menghargai usaha FAMA membuka Pasar-pasar Tani seluruh negara termasuk Pasar Tani Borong. Pasar Tani nampaknya berjaya menjadi mekanisme pasaran dan keluaran pertanian bagi petani dan pekebun-pekebun di luar bandar. Pasar Tani berjaya membangunkan masyarakat tani ke arah memasuki bidang pertanian komersial. Malangnya tahap pencapaian Pasar Tani belum boleh dibanggakan, apatah lagi ia lebih mencerminkan penyertaan satu-satu kaum sahaja. Penyertaan peniaga Pasar Tani perlu dirobah bagi membolehkan semua pihak melibatkan diri.

Tuan Pengerusi, begitu juga tidak lama dahulu masalah kobis berlebihan di pasaran dan menjejaskan penanaman-penanam kobis Cameron Highlands akibat kobis import melambak dan disebabkan sikap langkah FAMA. Maka sewajarnya menjadi pengajaran kepada FAMA supaya berhati-hati merancang dan membaca permintaan pengguna terhadap barang-barang pertanian untuk makanan. Jika sikap membacanya bekalan akan berlebihan di pasaran dan akibatnya para petani dan pekebun-pekebun sayur akan menderita.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 009—11 Ladang Ternakan Khinzir di bawah Maksud P.19, mukasurat 87. Saya menghargai perhatian Kerajaan terhadap keperluan membuka ladang ternakan khinzir tetapi dengan ketiadaan peruntukan diberikan. Maka ianya terpaksa ditunda ke tahun-tahun akan datang. Ini bererti masalah yang dihadapi oleh penternak, pembekal dan pengguna masih terus berlarutan hingga ke tahun-tahun akan datang. Kerajaan harus sedar bahawa masalah ternakan khinzir adalah sensitif dari segi agama dan banyak laporan akhbar memuatkan masalah ini yang tidak disenangi oleh ramai rakyat. Oleh sebab itu, Kerajaan perlu mensegerakan perkara ini dan menyediakan peruntukan yang sewajarnya bagi tahun ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kepada Butiran 02900, Maksud P.19, Kemudahan Pembangunan Industri Buah-buahan, mukasurat 89. Saya mendapati jumlah sebanyak \$800,000 diperuntukkan bagi Butiran ini. Saya rasa jumlah peruntukan ini sangat kecil berbanding dengan hasrat Kerajaan menjadikan industri buah-buahan lebih terkehadapan. Saya mencadangkan peruntukan yang lebih besar disediakan dan pekebun-pekebun kecil harus diberi peranan baru membangunkan industri ini. Pokok-pokok buah-buahan boleh ditanam di celah-celah kebun getah, kelapa sawit, kelapa, tanah-tanah sawah terbiar dan sebagainya. Inilah satu penyelamat dalam keadaan harga kelapa dan getah jatuh sekarang.

Tuan Pengerusi, saya merasa musykil tentang Butiran 17100—09 mukasurat 94, Rancangan Tebatan Banjir Kelang dan Pelabuhan Kelang di mana ianya dipindahkan ke Butiran 17100—24 Rancangan Tebatan Banjir Selangor dan peruntukan yang disediakan ini berjumlah \$3 juta sahaja. Ini bererti daerah Kelang dan Pelabuhan Kelang akan berkongsi peruntukan bagi menebat

banjir dengan daerah-daerah lain. Pada akhirnya rancangan tebatan banjir daerah Kelang tidak bererti apa-apa.

Daerah dan Pusat Bandar Kelang sering dilanda banjir kilat, sebabnya kontor daerah Kelang lebih rendah berbanding dengan kawasan-kawasan hulu Sungai Kelang. Keadaan Sungai Kelang dan semua sistem perparitan dalam daerah Kelang perlu diperbaiki segera. Untuk maksud ini, maka peruntukan bagi Rancangan Tebatan Banjir Kelang dan Pelabuhan Kelang perlu dikekalkan semula dan disediakan peruntukan persendirian. Saya bercadang supaya Kerajaan menyediakan peruntukan berasingan \$3 juta bagi maksud Rancangan Tebatan Banjir Kelang dan Pelabuhan Kelang.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 00900, Maksud Pembangunan P.19, Pemulihan Sawah Terbiar. Saya mendapati sebanyak \$3 juta telah diperuntukkan untuk memulihkan sawah terbiar. Saya tidak pasti sama ada peruntukan \$3 juta ini mencukupi untuk memulihkan 91,202.8 hektar tanah sawah terbiar di seluruh negara, sebagaimana pengumuman Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian di Dewan yang mulia ini pada 3hb lalu. Juga sama ada cara pemulihan sawah terbiar ini akan merupakan langkah pemulihan berkekalan atau sekadar untuk melepaskan batuk di tangga sahaja. Apa yang saya difahamkan dari ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini bahawa pihak FELCRA akan diberi tanggungjawab untuk memulihkan tanah-tanah terbiar. Walaupun lebih kurang 6,800 hektar atau 30% daripada tanah terbiar di seluruh negara sudah dipulihkan sehingga bulan Februari 1991, hasil kerjasama FELCRA dan RISDA setelah seminar-seminar kegiatan tanah terbiar diadakan pada masa lalu, saya tidak pasti bahawa kedua-dua agensi ini akan pergi jauh dan berkekalan.

Tuan Pengerusi, Kerajaan ada menyebutkan alasan-alasan terjadi tanah-tanah sawah terbiar di seluruh negara sambil menyarankan petani menukar jenis tanaman, tetapi jika tanpa gabungan tenaga semua pihak, baik Kerajaan Negeri, agensi terlibat, yang pentingnya petani-petani dan pekebun sendiri mengubah sikap dan cara mereka bekerja, persoalan tanah sawah terbiar dan penyelesaiannya akan menjadi seperti musim padi juga. Bila Kerajaan giat bertindak, petani akan rajin bekerja. Bila Kerajaan mengabaikan, ia akan terbiar lagi.

Tuan Pengerusi, tanaman jagung terutama jagung manis adalah antara tanaman kontan yang sesuai ditanam di tanah sawah terbiar dan boleh diberikan peluang pendapatan sehingga \$3,382 sehektar semusim. Pasarannya luas dan tinggi penghasilannya dan ia boleh dipetik selepas 65 hingga 75 hari ditanam. Negara-negara contoh yang berjaya dalam tanaman jagung selepas tanaman padi ialah negara Jepun, Taiwan dan Korea. Tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh majukan tanaman ini.

Tuan Pengerusi, jika persoalan tanah sawah terbiar tidak dapat diselesaikan menurut cadangan yang Kerajaan buat, saya ingin mencadangkan supaya projek tanah sawah terbiar ini diswastakan sahaja dan dibiarkan kepada syarikat pertanian dan golongan petani yang berminat untuk memajukan secara swasta. Ini adalah lebih baik daripada kita majukan siswa tani tetapi yang berjaya entah di mana ataupun kita membuang masa menjayakan projek anak-anak Lembaga Pertubuhan Peladang sedangkan peluangnya kepada petani dan pekebun tidak seberapa.

Tuan Pengerusi, penswastan projek tanah sawah atau tanah-tanah terbiar boleh menjadikan tanah-tanah tersebut dibangunkan sepenuhnya untuk mendatangkan hasil kerana ia bersifat komersial. Saya percaya ramai pihak

yang berminat untuk memajukan tanah-tanah terbiar ataupun untuk memajukan pertanian komersial, tetapi oleh kerana ketiadaan tanah maka niat tersebut hanya tinggal sebagai kertas projek sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kok Lanas.

3.58 ptg.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): Tuan Pengerusi, saya tidak berniat untuk bercakap lebih daripada masa yang dihadkan dan perkara yang saya bangkitkan ini adalah spesifik atau khusus.

Berhubung dengan Kementerian Pertanian, peruntukan B.19, mukasurat 87, Butiran 00600 Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Saya telah bangkitkan secara umum persoalan ini semasa membahaskan Belanjawan yang diadakan beberapa minggu yang lepas dan saya berniat untuk membangkitkan ini secara lebih khusus lagi supaya pihak Kementerian dapat memperbaiki perjalanan yang sumbang yang sedang berlaku sekarang ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu di Kelantan telah ditubuhkan dengan hasrat dan tujuan untuk membangunkan kawasan pertanian dan membantu petani-petani miskin di seluruh negeri Kelantan, khususnya di kawasan-kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan KADA. Apa yang berlaku ialah selepas daripada pertukaran Kerajaan yang lepas suatu perubahan struktur Ahli Lembaga Pengarah KADA telah berlaku secara nyata. Sebelum daripada ini tidak ada orang politik dilantik untuk menguruskan Ahli Lembaga, tetapi setelah Kerajaan bertukar tangan, orang politik telah dilantik untuk menjadi

Pengerusi kepada Ahli Lembaga Pengarah KADA. Mengikut Akta KADA, di samping beberapa orang lain yang dilantik oleh pihak Menteri, mestilah terdapat tiga orang wakil atau, dengan izin, representatives daripada Kerajaan Negeri untuk menduduki Ahli Lembaga Pengarah KADA.

Dan dari fahaman saya, peruntukan ini adalah peruntukan yang wajib, iaitu untuk mewujudkan sebuah Lembaga Pengarah KADA, mestilah ada wakil dari Kerajaan Negeri kerana Akta berkenaan menggunakan, dengan izin, Tuan Pengerusi, perkataan "shall". Bermakna, jika tidak ada 3 orang wakil daripada Kerajaan Negeri, ianya secara langsung akan menjejaskan KADA itu sendiri dan apa-apa tindakan yang dibuat oleh pihak KADA di dalam menjalankan dan melaksanakan aktiviti-aktivitinya boleh diisytiharkan batal dan tidak sah dan bercanggah dengan Akta KADA itu sendiri, iaitu suatu Akta yang diluluskan oleh Parlimen ini.

Apa yang berlaku ialah pihak Kerajaan Negeri Kelantan telah menghantar tiga orang nama untuk menduduki Ahli Lembaga Pengarah, KADA mengikut keperluan Akta KADA berkenaan, tetapi malangnya daripada tiga orang nama yang telah diberikan ini, hanya seorang sahaja difahamkan dipilih untuk menduduki Ahli Lembaga Pengarah manakala dua orang lagi telah diketepikan oleh pihak KADA.

Saya difahamkan juga, apabila perkara ini dibangkitkan beberapa kali, bahawa nampaknya pihak Kerajaan cuba menegakkan bahawa perlantikan berkenaan adalah terletak di bawah kuasa Menteri. Menteri berkuasa melantik wakil-wakil untuk menduduki Ahli Lembaga Pengarah. Saya tidak berniat untuk mempertikaikan kuasa perlantikan di bawah Akta berkenaan kerana memang Menteri mempunyai kuasa untuk melantik Ahli-ahli Lembaga Pengarah termasuk Pengerusi, tetapi apa yang saya pertikaikan ialah apakah boleh seorang Menteri melantik yang

kononnya orang yang menjadi wakil Kerajaan Negeri, sedangkan ianya tidak diiktiraf oleh Kerajaan Negeri. Untuk menjadikan seseorang itu wakil Kerajaan Negeri, pada pandangan saya ianya mestilah wakil yang dinamakan oleh Kerajaan Negeri.

Adalah salah dan tidak kena pada tempatnya kalau Menteri melantik seorang lain yang tidak direstui dan tidak diiktiraf oleh Kerajaan Negeri dan menggelarkannya sebagai wakil daripada Kerajaan Negeri. Wakil Kerajaan Negeri pada pandangan saya ialah wakil yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri yang secara sah dipilih oleh rakyat. Walaupun Menteri mempunyai kuasa untuk melantik, tetapi negeri berhak untuk menamakan mereka ini kerana kalau perlantikan dibuat tanpa restu Kerajaan Negeri, bermakna mereka ini bukanlah wakil daripada Kerajaan Negeri.

Jadi, pada masa ini wakil 3 orang yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan dinamakan oleh Kerajaan Negeri telah tidak dijemput untuk menghadiri mesyuarat yang telah diketepikan dan KADA terus berjalan. Pada pandangan saya, perjalanan aktiviti-aktiviti yang disusun oleh Ahli Lembaga Pengarah KADA sekarang adalahumbang dan bertentangan dengan undang-undang. Saya ingin mendapat penjelasan yang spesifik dan jelas daripada pihak Kementerian berhubung dengan perkara ini, mengapa perkara ini boleh berlaku. Jika ianya tidak diperbaiki, saya rasa matlamat KADA untuk menjadi suatu agensi bagi membangunkan masyarakat petani di negeri Kelantan akan tidak dapat mencapai matlamatnya. Sudah tentu jika keadaan ini terus berlaku dengan ketiadaan wakil Kerajaan Negeri dalam Ahli Lembaga Pengarah ataupun orang lain yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Negeri menduduki Ahli Lembaga Pengarah KADA, maka sudah tentu saya percaya segala aktiviti KADA akan dipolitikkan dan jika aktiviti-

aktiviti ini dipolitikkan, maka kumpulan sasaran untuk membangunkan petani-petani miskin dan membangunkan kawasan-kawasan tanah pertanian terbiar di negeri Kelantan akan tidak dapat mencapai matlamatnya.

Jadi, sekali lagi saya minta penjelasan daripada pihak Kementerian dan jika boleh perkara ini dibangkitkan di pihak Kementerian dan memperbetulkan keadaan yang pada pandangan saya adalah terlalu sumbang. Kita kurangkan masalah politik, kita kurangkan masalah politicking di dalam KADA dan tumpukan perhatian kepada masalah untuk membangunkan petani-petani Melayu miskin yang berselerak di negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya hendak bangkitkan ialah di bawah mukasurat yang sama, iaitu Butiran 00900, berhubung dengan Butiran Kecil 01—Subsidi Baja Padi.

Walaupun perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali di dalam Dewan ini, daripada Belanjawan tahun lepas sehingga kepada Belanjawan sekarang dan telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari negeri Kelantan banyak kali, tetapi memandangkan daripada Belanjawan tahun ini, peruntukan sebanyak \$70 juta telah dikhaskan untuk pemberian subsidi baja padi.

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah saya amat gembira mendengar berita daripada pihak Kementerian baru-baru ini yang mengatakan bahawa pemberian subsidi baja padi ini akan diteruskan. Jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa menggulung perbahasan atau menjawab soalan di dalam sidang Parlimen ini telah menegaskan bahawa Kerajaan Pusat akan meneruskan untuk pemberian subsidi baja padi kepada khususnya seluruh petani di negeri Kelantan. Nampaknya peruntukan \$70

juta ini adalah suatu peruntukan yang besar, tetapi yang membimbangkan dan merunsingkan saya ialah cara pengagihan baja padi yang akan dibuat di negeri Kelantan.

Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian di dalam menjawab soalan tersebut bahawa Pembantu Pegawai Pembangunan Mukim akan digunakan untuk membahagikan subsidi baja padi ini di peringkat kampung atau di peringkat mukim. Sepertimana kita tahu bahawa Pembantu-pembantu Pegawai Pembangunan Mukim ini adalah bekas penghulu-penghulu Barisan Nasional yang tidak sanggup berkhidmat di bawah Kerajaan ANGKATAN yang sekarang ada di negeri Kelantan. Sudah tentulah kalau saluran ini diteruskan, saya yakin dan percaya bahawa pemberian subsidi baja padi kepada seluruh petani di negeri Kelantan akan sekali lagi dipolitikkan. Sekarang ini pun sudah ada undang-undang, sudah ada tindakan-tindakan yang dibuat oleh pegawai-pegawai berkenaan yang telah menjalankan pendaftaran secara sembunyi-sembunyi, iaitu mendaftar petani-petani yang hanya menyokong Kerajaan Pusat, tetapi petani-petani yang tidak memberi sokongan kepada Kerajaan Pusat telah tidak didaftarkan.

(Tuan Yang di-Pertua *memperkeruskannya* Jawatankuasa)

Dan jika ini terus berlaku bermakna pemberian baja padi akan tidak mencapai matlamatnya. Sekali lagi saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian, rakyat negeri Kelantan khususnya yang tidak menyokong Kerajaan Pusat yang menyokong Kerajaan Negeri Kelantan tidak berniat untuk menggesa Kerajaan Pusat supaya menghapuskan label

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya, Pasir Mas bangun, hendak beri jalan atau tidak? Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Berilah sekali.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kok Lanas, di waktu Kerajaan Kelantan mendaftar untuk memberi subsidi baja yang dikenakan \$3 satu beg, kenapakah Kerajaan Kelantan tidak mendaftarkan semua petani-petani termasuk penyokong-penyokong UMNO kerana dalam kawasan saya, yang saya difahamkan mereka yang didaftarkan ialah penyokong-penyokong PAS dan sedikit-sedikit 46—46 pun tidak dapat sewaktu PAS memerintah sekarang.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya rasa Yang Berhormat dari Pasir Mas mendapat maklumat yang salah, Tuan Pengerusi, kerana barangkali beliau jarang-jarang balik ke kawasan, sebab itu maklumatnya tidak tepat. Sebenarnya apa

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Dia bangun pula, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Nantilah, biar saya habis jawab dahulu, Tuan Pengerusi. Jadi, apa yang dibuat oleh Kerajaan ANGKATAN dahulu ialah melalui penggawa semua orang mendapatnya. Orang Barisan Nasional sendiri tidak mendapat pemberian subsidi baja padi tidak timbul, orang PAS pun ada yang tidak dapat, kerana tidak cukup baja padi, tetapi apa yang dibuat sekarang nampaknya jelas bahawa pemberian subsidi baja padi ini akan terus dipolitikkan. Seperti yang saya katakan tadi, rakyat negeri Kelantan tidak berniat

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya, dia bangun pula.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, bila saya tanya penjelasan tadi, dia kata tidak benar. Saya rasa kenyataan itu tidak betul sebab apa yang saya minta penjelasan tadi satu perkara yang benar. Saya selalu ada di kawasan dan kalau hendak tahu bukti saya boleh himpun orang-orang yang tidak dapat baja dan tidak didaftarkan semasa Kerajaan PAS mendaftarkan mereka ini. Ini Pengkalan Chepa tolong bantu Kok Lanas. Jadi, saya boleh beri bukti, kalau hendak dihimpun saya boleh himpun. Saya mahu supaya kenyataan itu ada kredibiliti supaya segala dakwaan itu dibuat dengan betul. Saya percaya kalau ini dibuat nanti, pihak Kerajaan Pusat akan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, saya rasa kalau saya hendak mengesahkan kenyataan itu, tidak guna kita bertikam lidah dalam Dewan ini. Kalau betul-bahawa ada mana-mana pihak semasa pemberian subsidi baja padi oleh Kerajaan Negeri Kelantan (ANGKATAN) dalam pemberian baja padi dalam musim lepas tidak dapat, orang Barisan Nasional tidak dapat, cuba himpunkan kita semua hendak tengok siapa yang tidak dapat. Apakah betul ada orang Barisan Nasional yang tidak mendapat kemudahan baja padi semasa pembahagian subsidi baja padi oleh Angkatan Perpaduan Ummah di Kelantan baru-baru ini kerana kalau yang tidak daftar serupa dengan Kerajaan Barisan Nasionallah pun—dia tidak beri kalau tidak daftar. Tetapi yang jadi masalah sekarang ini

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Dia bangun pula, Yang Berhormat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya rasa cukuplah, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Akhir sekali.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya rasa cukuplah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Jadi, apa yang berlaku, Tuan Pengerusi, sekarang ini ialah pendaftaran ini dibuat secara sunyi-sunyi dengan menjemput beberapa orang hadir ke rumah pegawai berkenaan dan mendaftarkannya dan ada setengah-setengah itu pula menggunakan syarat suruh mengisi borang UMNO Baru dan sebagainya. Jadi, perbuatan seperti ini pada pandangan saya akan menjejaskan pemberian subsidi baja padi dan matlamat sebenar untuk membantu petani itu tidak akan dapat dicapai.

Seperti yang saya tegaskan tadi, bahawa rakyat Negeri Kelantan tidak pernah berniat untuk menukar lambang Barisan Nasional yang terpampang pada beg baja padi tersebut—tidak sekali-kali. Rakyat negeri Kelantan khususnya penyokong Angkatan Perpaduan Ummah bersedia menerima pemberian subsidi baja padi yang berlambangkan 'Dacing'. Tidak ada masalah kerana hak mengundi itu adalah hak mereka.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Arau bangun pula.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Berilah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini bahasa Pasir Maslah. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa baja itu tidak cukup dan orang PAS pun ada yang tidak dapat. Jadi, Yang Berhormat

hendak suruh kumpulkan orang-orang Barisan Nasional banyak mana yang tidak dapat. Jadi, tidak payah kumpul sebab jawapan Yang Berhormat tadi sudah menunjukkan bahawa memang Barisan Nasional tidak dapat sebab Yang Berhormat kata PAS pun ada yang tidak dapat. Yang Berhormat kata sebab Kerajaan Kelantan beri baja tidak cukup. (*Tepuk*) Jadi, tidak payah kumpul semua orang Barisan Nasional di Kelantan tidak dapat baja di bawah pemerintahan PAS. Tadi Yang Berhormat sudah beri jawapan.
(*Ketawa*)

Seorang Ahli: Kita terima cabaran.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang dimaksudkan oleh saya tadi ialah yang mendaftar. Yang tidak daftar memang tidak dapat. Siapa pun tidak dapat. Maksud saya tadi, kalau ada mana-mana orang Barisan Nasional semasa pemberian baja padi yang lepas, dia mendaftar tetapi tidak diberi. Kalau ada, sila kumpul, kita hendak tengok siapa penyokong Barisan Nasional yang tidak dapat subsidi baja padi kerana apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan adalah jelas.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan masalah pemberian subsidi baja padi ini, saya mencadangkan kepada Kerajaan Barisan Nasional khususnya Kementerian Pertanian, tidak ada salahnya kalau kita mengekalkan saluran yang asal supaya saluran asal pemberian subsidi baja padi sebelum daripada Kerajaan bertukar tangan dahulu diteruskan iaitu melalui Penggawa-penggawa Daerah, melalui Penghulu-penghulu Mukim secara menyeluruh di seluruh negeri Kelantan.

Saya memberi jaminan, kalau ada mana-mana Penghulu yang telah dilantik oleh Kerajaan Angkatan sekarang yang cuba untuk mempolitikkan perkara itu, insyaAllah, kita akan bawa dan kita menggesa supaya mereka ini dipecat daripada menjadi Penghulu. Saya

memberi jaminan bahawa mereka ini tidak mempolitikkan pemberian baja padi ini kalaulah saluran asal itu diteruskan

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya, Pasir Mas bangun pula. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Berapa minit lagi masa, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau sudah habis, saya minta maaf. Tidak ada masalahnya jika saluran asal itu diteruskan kerana rangkaian itu masih seperti biasa dan

Tuan Pengerusi: Minta gulung.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kalau saluran itu diteruskan, saya rasa bahawa matlamat sebenar untuk membahagikan baja padi kepada petani-petani ini dapat dilaksanakan tetapi jika dengan peraturan dan cara sekarang iaitu melalui KADA dan Pegawai Pembangunan Mukim di tiap-tiap mukim itu, saya rasa pemberian subsidi ini akan terus dipolitikkan dan ianya akan bertambah rumit. Peruntukan sebanyak \$70 juta ini tidak akan sampai kepada matlamat yang sebenarnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Lumut.

4.15 ptg.

Datin Ling Chooi Sieng (Lumut): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 91, di bawah Butiran 08500, tajuknya Rancangan-rancangan

Pengairan, Saliran, Mencegah Banjir dan Pemeliharaan Sungai, Perak dan juga mukasurat 93, Butiran 13900 dan 15100.

Tuan Pengerusi, semua tajuk ini ada kaitan dengan apa yang saya ingin bangkitkan dan saya akan menyentuh kesemua ini sekaligus.

Tuan Pengerusi, apabila datang musim hujan, banjir akan berlaku di kawasan Lumut. Sistem perparitan di kawasan Lumut adalah tidak memuaskan. Pihak berkuasa yang berkenaan hanya menyelesaikan masalah ini apabila ianya timbul. Tanah pertanian di kawasan Lumut adalah umumnya kawasan rendah yang berdekatan dengan laut. Apabila hujan turun, air akan pasang dan ini akan menyebabkan banjir dan ini akan mengakibatkan masalah kepada penduduk-penduduk di situ dan biasanya pada waktu itu, pihak berkuasa akan menggali ataupun membesarkan sesetengah parit atau sungai yang tersumbat dengan secepatnya.

Pihak berkuasa tiada ada mempunyai cadangan masa panjang untuk menyelesaikan masalah ini. Setiap tahun tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa ialah hanya untuk membersihkan sungai tersumbat. Jika banjir tidak berlaku, tiada apa-apa tindakan yang akan diambil dan sungai-sungai dibiarkan begitu sahaja. Rancangan perumahan telah kian bertambah tetapi sistem perparitannya masih tidak sesuai dan apabila musim hujan tiba kawasan perumahan ini akan menjadi kolam yang besar dan tidak ada tempat untuk air mengalir keluar.

Nampaknya terdapat kekurangan komunikasi dan kerjasama di antara rancangan perumahan dan Jabatan Parit dan Taliair yang sepatutnya mengutamakan sistem perparitan yang berkesan sebelum pelan-pelan perumahan diluluskan. Dua rancangan perumahan yang sedang dijalankan oleh PKNK juga tidak mempunyai sistem perparitan yang sesuai dan ini telah

menyebabkan sebahagian daripada kawasan perumahan tersebut dilanda banjir. Jabatan Parit dan Taliair mestilah campurtangan dan menuntut supaya sistem perparitan yang sesuai diwujudkan sebelum pelan-pelan pembinaan diluluskan.

Buat masa kini, sistem perparitan di Taman Sri Manjong dan Taman Dato' Kamaruddin tidak berfungsi dan takungan air menyebabkan pembiakan nyamuk-nyamuk *Aedes*. Wabak denggi di Lumut merupakan wabak kedua terbesar di negeri Perak. Saya harap Kementerian Pertanian akan mengambil perhatian ke atas sistem perparitan di kawasan Lumut dan memperbaiki keadaan ini. Masalah denggi tidak boleh diserahkan kepada Kementerian Kesihatan kerana Kementerian Pertanian telah gagal meningkatkan sistem perparitan dan saya berpendapat bahawa kalau sistem perparitan dibaiki, ia akan mengurangkan pembiakan nyamuk-nyamuk *Aedes*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Padang Terap.

4.18 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B.19, mukasurat 81 di bawah Butiran 020000 Jabatan Pertanian dan khusus di bawah Kod 10000 iaitu Emolumen.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan banyak kali mengenai peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai Tingkatan Biasa di dalam Kumpulan A di dalam banyak jabatan-jabatan profesional dan satu daripadanya ialah di dalam Jabatan Pertanian Malaysia.

Di dalam jawapan yang diberi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri lebih kurang dua tahun dahulu, ratio ataupun nisbah pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi kepada pegawai-pegawai Tingkatan Biasa adalah 1:9 dan saya mendapat tahu pada masa ini hanya

sedikit sahaja improvement, dengan izin, iaitu 1: 8. Pada hal jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai lain PTD, Jabatan Kesihatan dan lain-lain lagi nisbahnya ialah 1: 3.

Tuan Pengerusi, saya fikir eloklah saya bangkitkan sekali lagi perkara ini, kerana ternampak satu ketidakadilan berlaku di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan. Di sini kalau kita lihat, kita tidak memberi reward, dengan izin, kepada orang-orang yang lebih lama mengaji dan orang-orang yang telah menunjukkan prestasinya dengan lebih tinggi.

Tuan Pengerusi sedia maklum bahawa Pegawai-pegawai Pertanian seperti mana juga dengan Pegawai-pegawai Kejuruteraan atau pegawai-pegawai di bidang profesional yang lain mengambil masa yang lebih lama di universiti-universiti dan juga mereka ini adalah daripada golongan yang mendapat markah tertinggi di sekolah-sekolah dahulu lagi. Mereka disalurkan ke bidang sains di atas prestasi mereka daripada Form Tiga disalurkan ke bidang sains untuk satu hari menduduki kumpulan elit yang akan membawa negara ini kepada pembangunan saintifik dan teknologi. Tetapi apabila datang giliran mereka untuk memberi khidmat kepada Kerajaan, kepada negara, mereka ini mendapat satu pertimbangan yang tidak wajar. Sekurang-kurangnya yang saya hendak minta di sini ialah supaya ianya disamakan dengan pegawai-pegawai di dalam PTD.

Kita tahu bahawa untuk menjadi pegawai dalam PTD hanya mengambil masa tiga tahun jika dibandingkan dengan hendak menjadi Pegawai-pegawai Pertanian, empat tahun. Malah dahulu dan saya masih ingat lagi, kalau hendak menjadi pegawai profesional, perlu melalui proses atau system pupilage selama dua tahun, baru diconfirm dan dimasukkan dalam Kumpulan A. Di sini saya mintalah supaya satu pelaksanaan dilakukan.

Saya difahamkan pada tahun 1983 dahulu satu kajian dibuat mengenai ini. Di sini saya diberitahu bahawa kajian yang dibuat pada tahun 1983 dengan tujuan membuka peluang kenaikan pangkat yang lebih luas kepada Pegawai-pegawai Pertanian. Sebilangan besar daripada cadangan-cadangan dalam kajian itu telah diterima oleh JPA pada dasarnya, tetapi tidak dilaksanakan. Di sini saya hendak bertanya, apakah peranan Kementerian di dalam mengutarakan recommendations yang dibuat semenjak tahun 1983 lagi yang sehingga sekarang tidak dilaksanakan. Mengapa? Sehingga kini banyak pegawai-pegawai di dalam Jabatan Pertanian yang sudah berkhidmat lebih 20 tahun, 15 tahun masih lagi di dalam Tingkatan Tertinggi G dan F pada hal pegawai-pegawai yang sama yang berkhidmat 20 tahun, satu angkatan dengan saya dahulu di dalam PTD telahpun menjadi Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Kementerian boleh dikatakan 90% pada masa ini adalah pegawai-pegawai dalam PTD yang sama-sama keluar dengan pegawai-pegawai dalam Jabatan Pertanian. Inilah satu ketidakadilan yang mungkin tidak sengaja berlaku yang mana saya fikir sudah sampailah masanya saya mengenengahkan sekali lagi kepada Dewan yang mulia ini agar pihak Kementerian Pertanian dan juga pihak JPA mengambil pendapat ini secara serius.

Sayugia juga dimaklumkan peluang kenaikan pangkat pada masa ini di kalangan Pegawai-pegawai Pertanian Tingkatan Biasa amatlah tipis dengan bertambahnya bilangan Pegawai-pegawai Pertanian Tingkatan Biasa dibanding dengan kedapatan jawatan Pegawai Pertanian Kanan. Misalnya, sehingga Jun, 1990 terdapat seramai 325 orang Pegawai Pertanian Tingkatan Biasa di Jabatan Pertanian sedangkan bilangan jawatan Pegawai Pertanian Kanan hanyalah 37 jawatan sahaja iaitu

nisbah 1: 8. Jumlah 325 orang Pegawai Pertanian Tingkatan Biasa ini merupakan 73% daripada jumlah keseluruhan Pegawai Pertanian yang sedang berkhidmat. Dari jumlah ini seramai 314 orang ataupun 97% telah berkhidmat lebih daripada lima tahun dan 177 orang ataupun 55% telah berkhidmat lebih daripada sepuluh tahun yang belum lagi naik kepada Tingkatan Tertinggi. Kalau dibuat bandingan dengan PTD, selepas lima tahun Pegawai PTD telah mendapat Superscale G. Yang ini 55% lebihkurang 150 orang pegawai dalam Jabatan Pertanian yang telah berkhidmat sepuluh tahun tidak dapat Superscale G lagi. Di manakah keadilan yang mana kita telah menyalurkan anak-anak kita yang cerdik daripada Form IV dahulu naik ke atas, apabila naik, kita tidak beri ganjaran yang sewajarnya. Sebab itulah sudah lama saya meninggalkan perkhidmatan pertanian dan masuk di bidang politik.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 85, Butiran 150000 Lembaga Padi dan Beras Negara, Kod 40,000 Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, di mana saya ingin membangkitkan sedikit mengenai kerja-kerja LPN yang mungkin tidak disengajakan, mungkin terlalu hendak mengikut prinsip ekonomi ataupun mengikut prinsip economy of scale yang pada masa ini memangsakan banyak kilang-kilang kecil terutamanya di Kedah dan Perlis yang mana LPN telah memberi permit untuk membeli padi kepada kilang-kilang yang mempunyai stor yang besar, yang mempunyai alat-alat pengering dan lain-lain lagi. Apabila ini dilakukan, maka kilang-kilang kecil di kawasan jelapang padi di Kedah dan Perlis, kemungkinan juga di kawasan KEMUBU, Kelantan dan kawasan Kerian. Tetapi apa yang saya tahu di kawasan Kedah dan Perlis lebih berselerak di pinggir-pinggir rancangan perairan MUDA telahpun jadi mangsa

dan tidak dapat mengilang padi yang dahulu bergantung kepada pemberian ataupun pengunjuran daripada LPN untuk mengupah mengilang, banyak daripada kilang-kilang kecil ini terpaksa ditutup.

Dengan dasar LPN hendak memberi permit mengilang padi LPN kepada kilang-kilang yang dipunyai oleh bumiputera, itu bagus, tetapi apa yang berlaku sekarang—saya dalam masa soal jawab dahulu, saya telah bertanya adakah kilang-kilang yang diberikan pada masa ini betul-betul kilang bumiputera dan pihak Timbalan Menteri berjanji hendak memberikan kepada saya list kilang-kilang itu, belum lagi diberikan kepada saya.

Soalnya di sini, Tuan Pengerusi, soal pengilang-pengilang padi, soal-soal menjalankan usaha-usaha pengilangan padi seharusnya dibuat secara tidak merugikan sesiapa.

Kita tahu bahawa selama ini perusahaan mengilang padi kepada beras adalah dimonopolikan dan pembelian dimonopsonkan oleh kilang-kilang besar yang dipunyai oleh orang-orang dari Pulau Pinang kebanyakannya. Kalau kita lihat sejarah the political economy of development, dengan izin, di kawasan Kedah, kekayaan Pulau Pinang kebanyakannya disumbang oleh penyaluran kekayaan padi dan beras Kedah. Tetapi untuk mengambilalih ataupun untuk mengalihkan proses economic history ini tidak perlulah kita hanya mengatakan hendak beri kepada bumiputera sahaja. Pada hal bumiputera yang hendak ambil alih itu tidak ada kewangan, tidak ada modal dan tidak ada kepayaan.

Kita takut, saya tidak mahu menuduh; apa yang saya takut pada hari ini ialah kilang-kilang yang didakwa sebagai bumiputera mungkin sebenarnya adalah kilang yang diproxykan kepada bumiputera tertentu, mungkin. Saya tidak mahu menuduh. Tetapi ini

kemungkinan berlaku, kerana Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan juga Persatuan-Persatuan Peladang dalam MADA cuba memasuki di dalam soal pemilikan kilang dan pemilikan beras. Dahulu petani hanya memiliki padi, beras hak orang lain, tetapi tidak mendapat sokongan dan tidak mendapat bantuan langsung. Baik daripada MADA mahupun daripada LPP mahupun daripada LPN. Tetapi pada hari ini, tahu-tahu dengan sekonyong-konyongnya kita dengar kilang itu dipunyai oleh bumiputera. Kilang besar ini dipunyai oleh bumiputera. Capital outlay dari segi fixed capital dan operational capital, Tuan Pengerusi, \$20 juta. Jadi saya hairan. Saya minta supaya pihak Kementerian supaya membuat penelitian agar LPN di bawah Pengerusi yang baru membuat penelitian di dalam hal ini. Cuba untuk mengelakkan satu sandiwara berlaku yang mana akhirnya orang-orang atau sasaran yang hendak kita sampaikan pembangunan akan terus bertenggek di pinggir ekonomi yang sedang membesar di kawasan Kedah dan Perlis.

Dan kita tahu, Tuan Pengerusi, bahawa pembangunan ekonomi Kedah dan Perlis adalah semata-mata bergantung kepada economy generated, dengan izin, oleh rancangan perairan MUDA. Tetapi di dalam tahun 70an satu kajian social account matric yang dibuat oleh Bank Dunia didapati hanya daripada \$1 wang daripada economy generated oleh rancangan perairan MUDA hanya 30 sen pergi kepada penanam-penanam padi, 70 sen kepada orang-orang yang bukan menanam padi tetapi orang-orang yang ada business kaitannya dengan penanaman padi dan pengilangan beras. Sehingga Globe Silk Store pun ada interest di kawasan perairan MUDA, di kawasan Arau, Perlis di Tambun Tulang. Ada interest untuk turut serta. Jadi, inilah yang saya hendak menekankan, yang saya hendak menyeru supaya sandiwara political economy yang berlarutan daripada sejarah Kedah plain dibuka

oleh Wan Mat Saman dahulu tidak terus berlarutan sehingga sekarang. Supaya satu dasar, dasar yang dibuat oleh Kerajaan betul-betul akan membawa pengakibatan iaitu akibat to restructure the economy of the region. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Nilam Puri.

4.36 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 00900 lagi berkenaan subsidi baja yang berjumlah \$70 juta yang diperuntukkan untuk tahun depan. Dan sekali lagi kami mengucapkan terima kasih kerana Kerajaan Pusat bersedia memberi baja semula kepada negeri Kelantan dan kita harap sidang Parlimen yang akan datang, isu baja ini tidak timbul lagi kerana malu dengan rakyat, sebab kita bertengkar mengenai soal-soal perkara rakyat, perkara baja dan sebagainya. Dan insya Allah, Setiausaha Parlimen akan mengambil tanggungjawab supaya perkara ini dibereskan dan tidak timbul lagi dalam sidang yang akan datang.

Cuma Kerajaan Kelantan telah mengeluarkan \$3.9 juta untuk membuat baja dan beri kepada rakyat dalam keadaan Kerajaan Negeri yang serba susah sedangkan tahun lepas peruntukan \$80 juta diperuntukkan untuk subsidi baja. Apalah salahnya Kerajaan Pusat membalas ihsan berbaik-baik dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri berbaik-baik dengan Kerajaan Pusat supaya Kerajaan Pusat bertimbang untuk membayar \$3.9 juta ini kepada Negeri Kelantan, kerana peruntukan telah dikeluarkan untuk subsidi baja, sedangkan Kerajaan Kelantan sahaja yang terpaksa buat baja sendiri dengan belanja hampir \$4 juta. Oleh itu untuk mengeratkan hubungan kita, Kerajaan Pusat sudahlah bayar \$3.9 juta kepada Negeri Kelantan. Kalaupun dibayar, kami akan beritahu kepada rakyat Negeri Kelantan bahawa Barisan Nasional cukup baik. Cuma jangan undi sahaja dalam pilihanraya akan datang.

Tuan Pengerusi, seterusnya kilang baja yang mengeluarkan baja itu yang dibuat oleh Barisan Nasional dahulu semasa Barisan Nasional memerintah, oleh itu baja kalau diberi balik subsidi maka kilang ini barangkali tidak akan beroperasi. Oleh itu saya mengharapkan supaya kalau boleh untuk Negeri Kelantan baja yang hendak diberi oleh Kerajaan Pusat dikilangkan di kilang ini supaya ahli-ahli UMNO yang bekerja di kilang itu tidak hilang mata pencarian mereka. Dan mereka dapat bekerja dan kilang itu dapat beroperasi manakala SEDC akan mendapat sedikit keuntungan.

Seterusnya saya ingin sentuh berkenaan dengan MARDI, Butiran 00300 iaitu kalau kita lihat dalam buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1992, bahawa hasil-hasil yang akan dikeluarkan oleh petani-petani pada tahun hadapan tidak berapa meningkat dibandingkan dengan tahun 1991. Kita mengimport barang-barang makanan terlalu banyak iaitu \$2,000 juta lebih. Kita gunakan wang Negara untuk mengimport bahan-bahan makanan sedangkan MARDI bekerja setiap masa untuk menyelidik, untuk melahirkan jenis tanaman baru ataupun meningkatkan mutu keluaran barang-barang yang telah ada.

Sekarang ini kita lihat misalnya di sebelah negeri Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu kalau bahan-bahan makanan segera kebanyakannya ia datang melimpah-ruah daripada Thailand seperti buah mempelam, pisang, cili dan sebagainya. Menjadi hairan kepada kita kenapa di Thailand mereka berjaya tanam tanaman dalam bentuk ladang sedangkan cuaca di Thailand semuanya sama dengan cuaca di negara kita kecuali di daerah utama seperti di Chiangmai yang sedikit sejuk tetapi Bangkok sampailah kepada Golok cuacanya hampir sama dengan cuaca di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. MARDI mesti bekerja kuat lagi.

Barangkali kena pergi menyelidik kenapa pihak Thailand boleh berjaya mengeluarkan bahan makanan yang boleh dieksport sedangkan kita terpaksa mengimport daripada mereka begitu banyak.

Ada satu kawasan pertanian yang cukup berpotensi dan ianya dalam Rancangan Malaysia Keenam, jalanraya akan dibina. Kita harap dapat dipercepatkan supaya sayur-sayuran dan buah-buahan dapat dikeluarkan daripada tempat yang bernama Lojing yang terletak di Gua Musang. Tempat ini sama sejuknya dengan Cameron Highlands.

Tanahnya luas dan mendatar. Kalau dibuka dengan segera oleh Kerajaan Pusat dan Kementerian Pertanian mengambil daya inisiatif, insya Allah kita yakin sebahagian daripada sumber makanan boleh dikeluarkan daripada negeri kita. Dan pembinaan jalanraya daripada Gua Musang ke Sungai Siput hendaklah dipercepatkan untuk memudahkan hasil daripada Lojing nanti dapat dikeluarkan daripada situ dengan lebih mudah untuk dipasarkan di bandar-bandar sebelah Pantai Timur dan juga di bandar-bandar sebelah Pantai Barat.

Seterusnya saya ingin sentuh soal penyelidikan koko—MARDI dan juga Lembaga Penyelidikan Koko. Kita lihat sekarang ini koko seperti gagal menembusi pasaran dalam dan luar negeri. Ramai orang-orang yang makan koko Malaysia, mereka kata bahawa koko Malaysia tidak berapa lemak, tidak berapa sedap jika dibandingkan dengan koko dari Afrika dan ramai orang-orang di sebelah Sabak Bernam, di sebelah Tanjung Karang, di sebelah Teluk Intan, yang menebang pokok-pokok koko mereka kerana koko didapati terlalu murah sekarang ini. Kerajaan hendaklah berikhtiar bersungguh-sungguh kalau boleh dapat memberi subsidi yang tinggi kepada mereka supaya koko dapat

dipertahankan, kerana kita melihat sekarang ini koko begitu rendah mutunya dan juga penanam-penanam baru tidak muncul bahkan yang ada pun mereka akan tebang sekarang ini.

Seterusnya saya ingin sentuh perkara Butiran 07100, Tajuk 29, Rancangan Tebatan Banjir Kelantan. Kita tahu bahawa sekali lagi, berkenaan dengan politik, bila Barisan Nasional kalah di dalam pilihanraya di Kelantan, di antara yang dihukum ialah sungai. Bukan orang sahaja yang dihukum, sungai pun dihukum, iaitu kapal korek di larikan ke negeri Johor dan sekarang diperuntukkan sebanyak \$6 juta untuk menjaga perairan di negeri Kelantan supaya ia tidak dilanda banjir. Kita harap kapal korek itu dihantarlah balik. Kalau tidak hantar balik pun, beli baru dan hantar ke negeri Kelantan, kerana kami di Kelantan terdiri daripada berbagai parti, PAS, UMNO dan 46 dan UMNO pun ramai—ada 30% lagi yang menyokong UMNO di sana. Janganlah kerana politik kita hendak siksa sungai dan kita harap kapal korek itu dapat dihantar balik. Kalau boleh dibeli baru supaya segala bentuk kawalan banjir dapat diadakan di negeri Kelantan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sungai Petani.

4.43 ptg.

Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyentuh satu, dua perkara sahaja. Pertama tentang Butiran 120000 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak \$306 juta telah diperuntukkan kepada LKIM dalam usahanya untuk mempertingkatkan taraf hidup kaum nelayan.

Tuan Pengerusi, ada kira-kira seluas 500 ekar kawasan hutan bakau di sepanjang Sungai Merbok yang merupakan kawasan berpotensi untuk

kegiatan akuakultur dan kawasan ini seharusnya dapat dimajukan oleh LKIM untuk kegiatan-kegiatan akuakulturnya dan tidak seharusnya diserahkan kepada pengusaha-pengusaha individu untuk meraih keuntungan peribadi. LKIM telahpun melaksanakan projek perintis membina kolam udang secara berkelompok untuk diserahkan dan diusahakan oleh nelayan tradisi dan projek ini telahpun menampakkan kejayaannya. Saya menggesa agar LKIM meneruskan program akuakultur ini dan program begini amat berkesan dalam menangani masalah kemiskinan kaum nelayan tradisi. Sehingga kini 20% daripada hutan bakau di sepanjang sungai ini telahpun dimajukan dengan projek akuakultur dan lebih kurang 500 orang nelayan tradisi wajar diberikan keutamaan untuk dilibatkan dalam aktiviti akuakultur ini. Jika lebih kurang 500 orang nelayan miskin yang berada di pinggir sungai dan pantai ini diberikan sebuah kolam tiap-tiap seorang, masalah kemiskinan secara mudah akan dapat ditangani. Pembangunan akuakultur akan dibuat oleh LKIM dan kemudiannya diserahkan kepada kaum nelayan.

Seterusnya, skim pinjaman kredit pertanian wajar diteruskan. Kelonggaran lesen sampan kepada nelayan pantai di bawah skim PPRT wajar terus dilaksanakan. Saya difahamkan bahawa pihak LKIM telahpun menghentikan program bantuan enjin sangkut di bawah PPRT ini dan program ini sewajarnya perlu diteruskan untuk kepentingan kaum nelayan miskin dan kaum nelayan kecil di tepi pantai. Berkaitan dengan ini ialah kelonggaran pemberian lesen sampan kepada nelayan pantai, terutama nelayan PPRT wajar diberi keutamaan.

Seterusnya program-program galakan sebagai sokongan kepada nelayan dalam memajukan sektor perikanan wajar diteruskan oleh LKIM. Program memajukan akuakultur sebenarnya dilaksanakan oleh Jabatan

Perikanan dan LKIM. Kedua-dua agensi ini telah berjaya dan mampu memainkan peranan masing-masing dan kedua-dua agensi ini wajar menyelaraskan aktiviti masing-masing agar tidak ada persaingan di antara satu dengan lain yang kadangkala merugikan para penternak serta pengusaha yang hendak dibantu.

Tuan Pengerusi, akhirnya ialah tentang Pusat Penetasan Udang yang ada di Pulau Sayak, Pantai Merdeka. Saya dapati pusat ini, yang telah beroperasi hampir 10 tahun yang lampau, memiliki hampir 30 orang pekerja am yang terdiri dari penduduk-penduduk tempatan yang masih belum lagi disahkan dalam jawatan masing-masing. Saya sering menerima aduan dan rungutan bahawa mereka ini memerlukan pembelaan dan saya minta pihak Jabatan yang berkaitan memerhatikan masalah ini.

Seperkara lagi ialah tentang JPS 070000. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak JPS yang telah menyelesaikan masalah hakisan pantai di Pantai Merdeka yang memakan ongkos hampir \$2 juta dan saya juga pohon perhatian bagi pihak JPS supaya memberikan perhatian terhadap hakisan pantai yang kini sedang menyerang dengan hebat kawasan di tepi sungai Kuala Muda. Kawasan ini semakin tenat dan saya rasa jika tidak diberikan perhatian dan tidak diatasi dengan segera, dia akan merobohkan rumah-rumah di pinggir pantai dan mungkin akan membawa maut. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tasek Chenderoh.

4.48 ptg.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh di bawah B.19, Butiran 02600, Tajuk 01 Kemudahan-kemudahan Perlindungan Tanaman.

Tuan Pengerusi, sebelum saya teruskan, saya ingin bertanya kepada pihak Menteri ataupun Setiausaha Parlimen yang akan menjawab, berapa banyakkah dari segi statistik, kalau ada, hasil pertanian yang terjejas ataupun daya pengeluaran yang terjejas kerana dirosakkan oleh babi hutan dan kalau boleh, berapa banyakkah tanah pertanian yang tinggal terbengkalai kerana serangan babi hutan?

Tuan Pengerusi, kemungkinan perkara babi hutan ini, kalau dilihat sekali imbas, adalah satu perkara yang kecil. Kemungkinan statistiknya tidak ada untuk menilai berapa besarkah pertanian kita terjejas kerana serangan babi hutan. Tetapi dari segi pemerhatian dan penelitian saya, yang mana kawasan Parlimen yang saya wakili duduknya di luar bandar dan kawasan pedalaman, serangan babi hutan kepada pertanian dan terjejasnya daya pengeluaran dan juga hasil pertanian adalah tinggi.

Mungkin di Pulau Pinang tidak ada babi hutan, kerana ia kawasan bandar dan kalau ada pun mungkin babi bandar. Tetapi dalam kawasan saya, saya memberi contoh, iaitu kawasan pedalaman banyak di keluarkan tanah-tanah baru oleh Kerajaan Negeri. Memang rakyat memerlukan tanah dan Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab, response kepada kehendak rakyat dan mengeluarkan tanah-tanah baru di bawah rancangan terkawal seperti Rancangan Tanah Pinggir dan sebagainya.

Rancangan Tanah Pinggir ini, Tuan Pengerusi, kita semua tahulah, 'pinggir' ertinya di antara kampung dan hutan, kawasan tanah yang paling hampir sekali dengan hutan. Kawasan inilah yang menghadapi serangan-serangan babi hutan. Orang-orang kampung bukan tidak *innovative*, banyak yang mereka cipta berbagai-bagai cara untuk menghadapi masalah babi hutan ini. Ada yang menggunakan buluh runcing

dicacak keliling anak-anak pokok durian. Kawasan saya terkenal dengan hasil durian dan tanah-tanah baru yang dibuka kebanyakannya adalah untuk tanaman durian—digunakan buluh runcing. Tetapi buluh makin lama makin pupus kerana kegunaan-kegunaan lain. Sekarang ini sudah ada industri kraftangan dan sebagainya dan buluh pula mengambil masa yang lama dan kos yang tinggi. Dan ada juga yang *innovative* menggunakan tayar-tayar buruk sama ada tayar kereta atau tayar motosikal yang dibuang. Mereka letakkan tayar dan tanam pokok durian di tengah-tengah tayar. Tayar tersebut dicat pula berbelang-belang, berbintik-bintik dalam bentuk ular sawa. Kerana babi takut kepada ular sawa, maka babi tidak mendekati anak-anak durian yang ditanam. Tetapi oleh kerana Menteri kita lebih *innovative*, tayar digunakan untuk tukun perikanan, maka tayar pun berkurangan dan tayar pun tidak boleh digunakan lagi.

Orang kampung berfikir lagi dan akhirnya mereka menggunakan rambut. Tuan Pengerusi, ini pelik—orang kampung menggunakan rambut. Mereka mengumpulkan rambut daripada kedai-kedai gunting rambut dan menaburkan rambut-rambut tersebut di keliling anak-anak pokok yang mereka tanam. Apabila babi menyondol kepada pokok, babi akan menghidu rambut, rambut akan masuk ke hidung babi dan babi akan bersin dan lari kerana rambut yang menjolok lubang-lubang hidung babi. Ini suatu idea yang *innovative* dan memang berkesan.

Tuan Pengerusi: Ya, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak minta penjelasan. Memang betul bahawa salah satunya ialah menggunakan rambut, tetapi apakah Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh sedar rambut yang digunakan itu mesti yang tajam-tajam, yang berdiri dan rambut begini tak banyak kecuali Ahli Parlimen Nilam Puri. (*Ketawa*)

Tuan Haji Hamzah bin Mohd. Zain: Saya setuju kalau cumanya kalau rambur Ahli Nilam Puri sahaja sudah tentu tidak cukup. Dan memang sekarang ini rambur tidak cukup. Tuan Pengerusi, orang sudah tidak lagi dapat gunakan rambur kerana zaman 'Rock' ini, orang sudah simpan rambur panjang, dan akhir-akhir ini pula orang sudah takut hendak bergunting di kedai gunting kerana takut jangkitan AIDS dan sebagainya. Jadi, rambur pun sudah berkurangan dan petani-petani menghadapi masalah.

Di dalam kawasan saya ada sebuah kampung bernama Chepor. Di Kampung Chepor ini pihak FELCA membangunkan lebih 1,000 hektar tanah yang tinggal terbengkalai. Tetapi sejak hampir 8 tahun lalu, kalau tak silap saya, ditanam dengan kelapa sawit hanya baru lebih kurang 100 hektar sahaja yang dapat mengeluarkan hasil. Begitu banyak yang terjejas. Jadi, orang Kampung Chepor ini, oleh kerana memikirkan babi ini banyak sangat masuk, mereka buat baca Yassin, tiap-tiap malam Jumaat. Ini begitu innovative sampai baca Yassin, kerana mereka memikirkan mungkinlah ini bala Allah Taala turunkan kerana PAS dan 46 buat kacau dalam Kampong Chepor, banyak masuk babi, mereka buat baca Yassin tiap-tiap malam Jumaat. Redalah sedikit untuk beberapa lama, tetapi akhirnya serangan babi hutan datang semula.

Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan supaya pihak Kementerian mengambil berat tentang masalah perlindungan tanah di kawasan luar bandar, khususnya kawasan tanah pinggir yang menghadapi serangan babi ini dengan serius, supaya tanah tidak akan tinggal terbiar dan tanah akan dapat mengeluarkan hasil yang tinggi dan kos pembangunan tanah tidaklah tinggi seperti sekarang ini. Saya mencadangkan supaya pihak Kementerian berunding dengan pihak Jabatan

Perhilitan bagi membenarkan pemburuan babi hutan ini dengan cara, kalau tak hendak beri lesen langsung pun susah, tetapi supaya selang setahun, dengan izin, in every alternate year benarkan tanpa lesen, setahun dilesen, setahun lagi dibenarkan sesiapa sahaja hendak memburu babi, burulah kerana memang babi sekarang ini melalui population explosion yang sungguh tinggi. Kata orang kampung, babi kalau beranak bulan Januari, dia beranak seekor, kalau beranak bulan Ogos dia beranak lapan ekor, kalau beranak bulan Disember dia beranak 12 ekor. Mungkin babi di Malaysia ini beranak di bulan Disember dan kerana itu population babi bertambah dengan begitu banyak sekali. Jadi, saya mencadangkan supaya dilonggarkan dan benarkan siapa sahaja hendak memburu babi, every alternate year tanpa lesen supaya dapat mengurangkan pertumbuhan population babi yang bertambah dengan begitu pesat sekarang ini.

Kedua, orang kata Menteri kita cukup hebat dari segi kempen, kita mencadangkan supaya Menteri jangan cuma kempen makan ulam, kempen makan arnab dan baru-baru ini orang risau dan takut dia kempen makan biawak—dalam Perhimpunan UMNO. Saya cadangkan supaya Menteri kempen makan babi hutan kepada orang-orang yang memakan babi hutan. Makanlah seberapa banyak dan gambarkanlah khasiat yang baik-baik tentang babi hutan ini kepada orang yang makan babi hutan supaya makan babi hutan dengan sebanyak-banyaknya. Dan juga mungkin menggalakkan pengeksportan daging babi hutan ini kepada

Tuan Pengerusi: Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Tasek Chenderoh. Apakah mungkin kalau Yang Berhormat Menteri Pertanian—beliau seorang Islam—kalau beliau menganjurkan kempen-

kempen seperti makan biawak dan makan babi hutan, walaupun untuk orang bukan Islam, ianya boleh memberikan gambaran yang tidak baik dari segi kacamata masyarakat Islam di negara kita ini dan apatah lagi tentu akan dieksploitasikan oleh parti Pembangunan, PAS umpamanya yang boleh memberi satu kesan yang buruk dari segi imej kepimpinan. Jadi, apakah Yang Berhormat tidak terfikir perkara ini dengan membuat cadangan demikian?

Tuan Haji Hamzah bin Mohd. Zain: Tuan Pengerusi, pihak parti PAS ini kalau buat apapun mereka cari salahnya dan akan kondem sama ada perkara baik ataupun tidak baik, semuanya tak betul. Tetapi kepada saya, tidak menjadi masalah. Kalau orang itu biasa memakan babi hutan dan jadi makanan dia, apa salahnya untuk dia makan dan kalau dia hendak makan lebih banyak, itu lebih baik kerana dapat menyelesaikan banyak lagi masalah yang lain. Semacam kita menghadapi banyak tikus di dalam ladang kelapa sawit, kita masukkan ular untuk makan tikus. Sekarang ini masukkan burung hantu untuk makan tikus. Apa salahnya kalau babi yang banyak ini, berikanlah kepada siapa yang makan babi, makan sebanyak-banyaknya, dan diadakan pula kempen eksport daging babi.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya minta pihak research yang ada sama ada MARDI ataupun agensi-agensi yang lain supaya memikirkan dan mencipta bentuk-bentuk peralatan mekanikal yang dapat menjadi perangkap ataupun mengawal serangan babi. Atau mungkin bahan-bahan kemikal, bahan-bahan kimia bukan jenis bahan untuk membunuh babi, bukan jenis pesticide, racun dan sebagainya dan dengan innovativeness yang ada di kalangan pakar-pakar kita, memikirkan satu jenis kimia yang baunya berkesan—tabur sahaja kimia tersebut baunya akan mengenyahkan babi yang ada di sekitar kawasan. Sudah tentu ada, baru-baru ini

Timbalan Perdana Menteri kata, televisyen pun mungkin akan dicipta bukan sahaja nampak gambar, dengar suara, tetapi dapat kita hidu bau orang yang ada dalam gambar televisyen. Jadi, innovativeness yang ada ini mungkin boleh menciptakan alat kimia untuk mengenyahkan babi daripada kawasan pertanian.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail (Bagai Serai): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Soalan tambahan.

Seorang Ahli: Penjelasan.

Dato' Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Minta penjelasan. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi, bolehkah saya juga mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh cadang, hendak tanya dia.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Mengesyorkan.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat boleh minta penjelasan.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Minta penjelasan. Bolehkah dicipta pil-pil perancang keluarga untuk diberi makan kepada babi-babi supaya ianya tidak membiak? *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi: Adakah boleh?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Hendak tanya soalan tambahan, saya bukan Menteri, tunggulah entah ada masanya nanti.

Tuan Pengerusi, sebenarnya cadangan itu satu cadangan yang baik, boleh masuk dalam senarai yang saya hendak cadangkan, iaitu mencipta dalam

bentuk kimia atau apa sahaja untuk menghapuskan babi ini dari segi membantutkan zuriat-zuriat babi tersebut.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja cadangan saya berkaitan dengan satu masalah, walaupun nampaknya, saya sedikit sebanyak berkelakar di sini tetapi ia adalah satu masalah yang cukup serius kepada petani-petani di luar bandar yang tanah mereka bersempadan dengan hutan yang cukup banyak sekarang ini tinggal terbiar, tidak dimajukan kerana mereka sudah tidak mampu lagi untuk menghadapi serangan babi yang bertambah dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Batang Lupar, selepas itu Menteri menjawab.

5.03 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, kali kedua saya jadi penutup bahasan di Dewan ini. Saya cukup syok dengar cerita Ahli Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh, rambut pun sudah tidak ada lagi. Saya berharaplah Ahli Parlimen bila sampai ke Parlimen nanti, dermalah rambut pelawat-pelawatnya—pergi ke Taman Bukit Cahaya itu pinta rambut mereka daripada minta duit, ganti bayaran masuk dan berderma kepada Ahli Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh untuk menghalau babi.

Ingin saya melibatkan diri dalam perbahasan ini dan merujuk kepada butiran 08000 Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Sebagaimana yang telah kita tahu penerokaan hutan di Malaysia untuk ditukar menjadi tanah perkebunan telah dibuat beberapa lama. Dan ini telah berlaku di Sarawak pada tahun 1990 yang melibatkan pemotongan hutan yang mengeluarkan kayu-kayannya sebanyak 6 juta cubic metres.

Jadi, kata pihak-pihak di luar negeri terutama sekali desas-desus di United Nations mengatakan penukaran tanah hutan menjadi satu tempat penanaman adalah tidak baik. Ini adalah berlandaskan satu pengkajian telah dibuat di Argentina di mana pihak pertanian telah menerokai hutan dan menukarkan hutan itu menjadi satu tempat perladangan, dan ladangan itu tidak mendatangkan hasil selepas beberapa tahun oleh kerana kesuburan tanahnya akan habis selepas beberapa tahun.

Jadi, soalan saya, adakah pihak MARDI membuat satu pengkajian ke arah ini dan kalau tidak kenapa tidak, dan kalau belum dikaji saya cadangkan kajian dibuat oleh pihak MARDI bukan sahaja untuk kebaikan penanaman di pihak negeri kita tetapi juga untuk to refute, dengan izin, teguran ataupun tuduhan yang dibuat oleh pihak-pihak di luar negara.

Tuan Pengerusi, yang kedua, ialah penanaman kelapa. Dahulu di kawasan terutamanya di Batang Sadung adalah kawasan yang termasyhur di Sarawak untuk pengeluaran kelapa. Tetapi pada masa ini pengeluaran kelapa di kawasan itu adalah tidak mendatangkan hasil begitu lumayan kepada peneroka ataupun pekebunnya lagi, oleh kerana harga kelapa telah menurun sebagai harga koko juga.

Jadi, apa yang telah berlaku ialah oleh kerana harga kelapa menurun, harga koko menurun, pihak tani dan penanam koko dan kelapa ini mengata Kerajaan yang tidak buat apa-apa. Jadi, soalan saya apakah tindakan Kerajaan dan apakah cadangan Kerajaan untuk membantu dan menolong pihak penanam kelapa yang ada di negara kita ini, bukan sahaja di Sarawak, bukan sahaja di Batang Sadong. Batang Sadong adalah satu example, dengan izin.

Saya pergi kepada butiran 00200 Bank Pertanian Malaysia.

Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak Bank Pertanian Malaysia kerana sedikit sebanyak usaha mereka memberi pinjaman kepada pihak tani dan peladang kita telah mendatangkan hasil. Dan di Sarawak, Bank Pertanian telah lama menolong pihak petani-petani di Sarawak dengan memberi pinjaman. Dengan ini, izinkan saya menegur sedikit kerana kadangkalanya pinjaman atau duit diberi kepada peladang, kalau duit itu tidak digunakan dengan sebaik-baiknya, ini akan mendatangkan satu bebanan kepada peladang itu sendiri. Oleh kerana tiap-tiap peladang yang meminjam duit daripada Bank Pertanian ini akan mencagarkan harta benda mereka kepada pihak Bank Pertanian.

Umpamanya jikalau apa yang telah saya katakan tadi, kebun kelapa mereka gagal, koko mereka gagal, hutang tidak dibayar, akhirnya pihak bank akan mengambil tindakan kepada pihak yang berhutang dan kebunnya terlelong, kebun tidak jadi, tanah terlelong. Jadi, saya ingin bertanya, sama ada pihak Kementerian membuat satu kajian untuk menolong atau memberi satu cadangan kepada pihak Bank Pertanian supaya perkhidmatan yang diberi oleh pihak Bank Pertanian itu bukan sahaja disegi kewangan tetapi juga dari segi nasihat dan segi bimbingan untuk pertanian itu lebih maju dan supaya pinjaman mereka itu tidak disalahgunakan dan supaya usaha mereka tidak terjejas oleh kerana tidak ada bimbingan dan tidak ada nasihat yang tertentu.

Tuan Pengerusi, dari situ saya beralih lagi kepada Butiran 00900 projek pertanian yang lain. Saya ingin menyentuh sedikit sahaja dalam tajuk 08—Projek Taman Bukit Cahaya Sri Alam. Dan saya ingin ucap syabas dan tahniah kepada Menteri Pertanian dan Kementeriannya yang telah menunjukkan inovasi yang begitu baik, yang begitu canggih, yang begitu

foresight yang begitu jauh, telah mengadakan Taman Pertanian ini, walaupun pada masa kini Taman Pertanian ini sungguh begitu baik, belum lagi dikenal bukan sahaja orang di luar negeri tetapi juga orang dalam negeri kita sendiri.

Kalau kita pergi ke mana-mana kita bertanya kepada orang berhubung dengan Taman Bukit Cahaya ini, apa yang mereka kenal ialah taman empat musim itu sahaja, tetapi selain daripada itu tidak mendapat liputan atau pengenalan ataupun penyibaran kepada bukan sahaja rakyat Malaysia tetapi juga di luar negara. Jadi memandangkan keadaan yang telah saya lihat tahun lepas, kemungkinan ada kebaikan lagi atau improvement telah dibuat selama setahun ini. Ada baiknya kalau publicity, dengan izin, secara besar-besaran dibuat bukan sahaja di negeri kita sendiri, tetapi juga kepada ke luar negeri, di peringkat-peringkat duta dan mission kita dan memperkenalkan Taman Bukit Cahaya ini ke luar negeri sebagaimana Disneyland Disney World telah diperkenalkan kepada kita. Kalau kita melawat ke tempat-tempat itu, mungkin tidak ada perbezaannya. Hanya perbezaan kita menunjukkan keanehan tanaman dan kebaikan tanaman dengan keadaan-keadaan yang dipertunjukkan di Disney World, Disneyland dan sebagainya. Jadi kurang publicity ini telah menghantukan kita di sini, bukan sahaja di negara kita sendiri tetapi juga di luar negeri. Itulah sebabnya kadangkala cerita yang baik di negara ini tidak pernah keluar, tetapi cerita yang jahat sahaja dicerita orang, pihak yang ingin mensabotajkan negara kita di luar negeri. Dengan itu saya bercadang publicity yang menyeluruh patut dibuat.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh kepada Butiran 01000 Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu. Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu ini adalah satu pengasas projek pertanian, terutamanya

di negeri Sarawak yang mana pertanian masih lagi jauh kebelakangan kalau dibandingkan dengan di Semenanjung Malaysia. Kalau kita melintas melalui udara di Semenanjung ini, kita terdapat projek pertanian telah hampir menyeluruh terutamanya di Johor, di Melaka dan di Negeri Sembilan ini. Tetapi kalau tuan-tuan pergi ke Sarawak, melintas di atas udara Sarawak, kita terdapat hanya hutan belantara. Jadi terdapatlah dua projek, iaitu Projek di Semarahan dalam Tajuk 09 yang mana telah menjadi satu projek kesimpulan, yang termaju di negeri Sarawak dan sekarang kita mengadakan lagi satu projek di Kalaka, Saribas. Dengan itu saya bagi pihak negeri Sarawak mengucapkan terima kasih kepada Kementerian kerana telah memajukan dua projek bersepadu yang begitu baik. Walaupun ada sebab pihak-pihak Pembangkang telah mengatakan projek bersepadu ini telah mendatangkan kemudahan kepada sebilangan pihak, tetapi ini adalah dakyah-dakyah Pembangkang yang tidak bertanggungjawab. Jadi saya berharap projek-projek bersepadu ini dilakukan banyak lagi di Sarawak.

Saya ingin bertanya secara khusus, berapakah projek bersepadu akan diadakan di Sarawak pada rangka lima tahun yang akan datang dan adakah projek bersepadu ini akan dibuat di kawasan saya, Batang Lupar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Beri saya sedikit sahaja hendak bercakap oleh kerana satu tajuk tak cukup tadi iaitu saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian dalam memajukan pertanian ke seluruh negara, tolonglah jangan lupakan Sarawak, kita hendak gantikan hutan di Sarawak itu dengan hutan pertanian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.15 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Pengerusi, bagi pihak Jabatan dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan Pasir Mas, Bukit Bintang, Klang, Kok Lanas, Lumut, Padang Terap, Nilam Puri, Sungai Petani, Tasek Chenderoh dan Batang Lupar di atas pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, lebih-lebih lagi betapa prihatinnya Ahli Yang Berhormat terhadap program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Pasir Mas telah membangkitkan mengenai dengan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk projek taman pertanian, iaitu sebanyak \$56 juta. Kita sedar bahawa peruntukan ini tidak mencukupi dan kita telah kemukakan permohonan tambahan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan pihak Kementerian telahpun memperhebatkan kempen supaya taman pertanian ini menjadi lebih terkenal. Pada masa sekarang pun alhamdulillah, sambutan dan kunjungan orang ramai amatlah menggalakkan. Di antara perkara-perkara yang kita akan buat ialah untuk mengadakan sebuah billboard yang di peringkat pembinaan di Lapangan Terbang Subang dan kita telah meminta kebenaran daripada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan untuk membolehkan Bas Sri Jaya dan Bas Klang-Port Swettenham untuk melanjutkan perkhidmatan ke dalam Taman Cahaya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun hadapan, kemasukan ke Taman Pertanian akan dikenakan bayaran iaitu pada kadar \$2 bagi orang dewasa dan \$1 bagi kanak-kanak, iaitu di pintu masuk taman.

Mengenai dengan subsidi baja padi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kok Lanas, dari Nilam Puri, dari Pasir Mas, suka saya nyatakan adalah menjadi dasar Kementerian Pertanian untuk memberikan baja subsidi kepada semua petani-petani yang layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di bawah skim subsidi tersebut. Kementerian berharap Ahli Yang Berhormat bersedia memberi maklum-balas kepada Kementerian sekiranya terdapat penyelewengan ke atas pemberian subsidi ini.

Yang Berhormat dari kawasan Bukit Bintang telah membangkitkan soal kenapa Laporan Audit MADA dari tahun 1983 sehingga 1989 tidak dibentangkan di Parlimen. Suka saya nyatakan bahawa laporan mengenai dengan Yayasan Pelajaran MADA ini tidak perlu dibentangkan kepada Parlimen mengikut Akta P.U.A. 145. Jadi oleh kerana itu kita tidak membentangkan di dalam Parlimen kerana mengikut Akta ini kita hanya perlu melaporkan kepada Yang Berhormat Menteri dan ahli-ahli Lembaga. Pada tahun 1989 kita telah menerima permintaan daripada Ketua Audit Negara supaya kita membentangkan laporan ini di Parlimen. Jadi setelah kita menerima arahan daripada Ketua Audit Negara, maka kita pun mengambil tindakan yang sewajarnya dan kita telah membentangkan penyata ini mulai

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah rasional ataupun alasan yang Ketua Audit Negara meminta supaya Yayasan Pelajaran MADA ini dibentangkan laporannya kepada Parlimen pada hal pada

pengetahuan saya Yayasan ini tidak mendapat sesen pun wang Kerajaan dan segala sumber kewangan Yayasan ini adalah daripada sumbangan petani-petani yang menjadi ahli Persatuan Peladang di MADA. Mengapa harus dibentangkan kepada Parlimen?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap. Bekas Pengurus Besar MADA yang sudah tentu lebih arif tentang perkara ini. Oleh kerana kita berpendapat sama seperti pandangan Yang Berhormat dari Padang Terap, maka kita tidak mengemukakan penyata ini, kita tidak membentangkannya, tetapi pada tahun 1989, kita tidak diberi sebab-sebab dan juga kerana kita sendiri berpendapat bahawa kita tidak mendapat peruntukan. Peruntukan ini adalah daripada Ahli, tidak ada sumbangan satu sen pun daripada pihak Kerajaan. Atas asas berikut, maka kita berpendapat tidak perlu dibentang di Parlimen. Walau bagaimanapun, setelah kita menerima teguran daripada pihak Ketua Audit Negara, maka kita akur dan kita bentangkan.

Yang Berhormat dari Klang juga membangkitkan tentang kajian semula Dasar Pertanian Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam Dasar Pertanian Negara, Kerajaan telahpun menyiapkan draf laporan awal kajian semula Dasar Pertanian Negara dan di antara syor-syor yang terkandung di dalamnya termasuklah syor mengenai pembangunan sumber tenaga manusia untuk melahirkan petani-petani yang moden berorientasikan perniagaan.

Dalam usaha untuk mendedahkan petani dan peladang kepada pertanian moden, Kementerian Pertanian memang melaksanakan berbagai-bagai program, umpamanya program dengan izin, Japan Agricultural Exchange Council di mana petani-petani progresif akan mengikuti latihan sambil belajar di Jepun selama

lapan bulan. Sehingga sekarang, seramai 74 petani terlibat dan pada tahun hadapan 15 orang petani lagi akan dihantar mengikuti kursus yang sama.

Program-program lain ialah seperti, dengan izin, ASEAN Council on Agricultural Development and Extension yang merupakan pertukaran lawatan di antara petani-petani di negara ASEAN. Di bawah program ini, seramai 17 orang petani akan dihantar ke Indonesia, Thailand dan Jepun. Mereka juga akan mengikuti kursus Commercial Market (Gardening) di Indonesia, Pengurusan Kebun di Thailand dan Agricultural Machine di Jepun. Selain daripada itu, pada tiap-tiap tahun, Lembaga Pertubuhan Peladang mengadakan pertandingan peladang jaya di mana seramai 6 orang pemenang akan mengadakan lawatan sambil belajar ke luar negeri. Pada tahun 1990, mereka melawat sambil belajar ke Indonesia, Korea Selatan dan Taiwan. Pemenang tahun 1991 telah mengadakan lawatan ke England, India dan New Zealand. Pegawai-pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang juga dihantar berkursus ke luar negeri seperti Taiwan, Pakistan, Thailand dan lain-lain lagi untuk mendedahkan mereka kepada pertanian moden.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Klang mengapa perancangan tebatan banjir di Klang digabungkan di bawah rancangan tebatan banjir Selangor bersama-sama dengan projek-projek lain. Suka saya maklumkan bahawa rancangan tebatan banjir Klang masih kekal sebagai satu projek berasingan dan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Gabungan projek RTB Klang dengan projek-projek lain di bawah rancangan tebatan banjir Selangor adalah satu cara pentadbiran untuk memudahkan pengagihan peruntukan di antara satu projek dengan yang lain. Contohnya, jika projek RTB

Klang dijalankan dengan lebih maju dan memerlukan peruntukan tambahan, peruntukan tambahan boleh dipindahkan dengan senang dari projek lain dalam butiran yang sama tanpa perlu permohonan pindah peruntukan kepada agensi Pusat.

Tentang ladang ternakan khinzir, projek ini masih di dalam peringkat perancangan dan melibatkan kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan pelbagai pihak yang lain. Memandangkan kepada masalah dan isu yang menjadi asas mengapa projek ini diperlukan, adalah mustahak bentuk perancangan dan pelaksanaan perlu dijalankan dengan terperinci supaya keadaan pencemaran dan isu lama tidak berulang semula.

Tuan Pengerusi, tentang pasar tani, Yang Berhormat dari Klang menyatakan bahawa seolah-olah pasar tani ini dikhaskan kepada satu kaum sahaja. Sebenarnya, suka saya menerangkan, petani-petani yang dipilih untuk menyertai pasar tani adalah terdiri daripada petani-petani yang perlu diberi bantuan untuk membaiki pasaran hasil-hasil mereka. Petani-petani yang dapat memasarkan hasil pertanian dengan sendirinya tidak perlulah berniaga di pasar tani. Jadi, jangan ada tuduhan yang melulu seolah-olah pasar tani ini bertujuan untuk menolong petani-petani bumiputera sahaja. Anggaran yang semacam ini adalah tidak baik.

Mengenai dengan import kobis bulat, kononnya kadang-kadang kerana banyaknya import kobis ini akan menjejaskan harga kobis tempatan. Jadi, kita ambil kira perkara ini dan keadaan ini adalah di dalam kawalan. Sekali sekala memang terdapat pengeluaran kobis tempatan yang banyak, jadi oleh kerana itu keadaan harga akan terjejas, tetapi pihak FAMA telah mengambil langkah-langkah tertentu supaya keadaan begini dapat dielakkan.

Tentang kekurangan beras pulut, suka saya maklumkan di sini, kekurangan beras pulut ini disebabkan kelewatan kapal. Jadi, perkara ini telahpun diselesaikan dan LPN telah mengagihkan beras pulut ini di seluruh negara. Jadi, saya rasa kalau ada mana-mana pihak yang memerlukan beras pulut bolehlah kita dapatkan daripada Pusat Khidmat LPN yang ada di seluruh negara.

Berkenaan dengan dakwaan bahawa petani dipaksa menjual padi kepada kilang LPN, ini tidak benar. Tidak ada paksaan dalam perniagaan, jadi petani-petani bebas menjual ke mana-mana kilang yang berlesen. Popularnya satu-satu kilang itu adalah kerana service yang diberikan dan sistem potongan dan kecekapan pusat pembelian itu bukan kerana paksaan.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat akan memberi jaminan bahawa tidak akan ada sekatan, tidak akan ada halangan, tidak akan ada paksaan ke atas perkara ini supaya apa yang disebutkan tadi dapat diamalkan secara adil dan saksama?

Jadi, kita pun menekankan satu pasaran terbuka. Dengan pasaran terbuka, maka bagi petani-petani, baik bagi mereka supaya mereka dapat menjualkannya kepada sesiapa sahaja asalkan tidak ada eksploitasi.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya sudah sebut tadi, saya kata tidak ada paksaan. Jadi, Yang Berhormat tidak dengar, baru saya sebut, tidak ada paksaan jawapan saya. Saya kata tidak ada paksaan.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sanggup memberitahu ke kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Klang supaya dapat mengetahui maklum-balas dan keadaan yang sebenarnya dan dengan ada maklumat yang lengkap, maka pihak Kementerian dapat mengaturkan atau menggubalkan satu dasar yang baik untuk kawasan itu.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada sungutan-sungutan dan aduan daripada pihak pengilang-pengilang di kawasan-kawasan yang disebutkan?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, petani-petani tidak jual padi itu kerana mungkin perkhidmatan yang ditawarkan oleh kilang yang berkenaan tidak memuaskan. Jadi, perkhidmatan yang diberikan oleh Kompleks LPN baik. Jadi, sudah tentu petani-petani akan menghantarkan padi ke tempat-tempat yang boleh memberi perkhidmatan yang baik.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (Bangun)

Tuan Chian Heng Kai: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Bukit Mertajam dahulu.

Tuan Chian Heng Kai: Saya ingin tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada kilang-kilang beras bukan bumiputera di negeri Kedah tidak dibenarkan beli padi selepas pukul 4.00 petang dan lain-lain kilang-kilang beras bumiputera boleh beli padi selepas pukul 4.00 petang dan sama ada ini satu diskriminasi kaum. Sekiranya ada, adakah Kerajaan bercadang supaya hasrat ini diubahsuai oleh kerana masalah ini telah digunakan sebagai satu isu perkauman? Di sini saya ada satu kes.

Ada seorang bukan bumiputera sudah dipecat kerjanya oleh kerana kilang beras itu mahu ikut arahan LPN. Ini satu kes yang sangat serius. Saya harap Kerajaan boleh timbang perkara ini dengan serius.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya ingat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili parti Pembangkang selalu tidak siasat dengan mendalam, cuba hendak jadi juara tanpa disokong dengan maklumat yang konkrit. Saya hendak beritahu bahawa kilang-kilang padi bukan bumiputera masih menguasai pemasaran padi terutamanya di negeri Kedah. Saya hendak beritahu di sini detailnya. Belian untuk tahun 1990, kilang bukan bumiputera 54.8%, kilang LPN 45.2%. Untuk tahun 1991, LPN 50% dan bukan bumiputera 50%. Jadi, kita kongsilah ekonomi ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Padang Terap.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, adakah Yang Berhormat Setiausaha bahawa apa yang dikatakan paksaan itu bukanlah daripada LPN? Paksaan itu adalah daripada kilang-kilang besar yang dipunyai oleh bukan bumiputera di musim hujan khususnya yang mana petani-petani yang hendak menjual padi kepada mereka, mereka tidak terima langsung. Jadi, ini adalah bertentangan dengan prinsip yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, iaitu prinsip free market ataupun pasaran bebas yang mana LPN terpaksa menanggung bebanan padi yang basah pada musim hujan. Adakah Yang Berhormat setuju dengan statement saya?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya setuju 100%.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepong bangun.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya ingat, saya jawab perkara lain yang lebih banyak Yang Berhormat. Perkara ini sudah selesai.

Tuan Chian Heng Kai: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak jawab dahulu? Yang Berhormat, sabar

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya kata saya sudah jawab, cukuplah fasal LPN ini. Ini yang semuanya ini bukan anak petani.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, Yang Berhormat. Sabar!

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya anak petani, saya tahu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, hendak jawab dahulukah ataupun hendak memberi penjelasan?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Hendak jawab, Tuan Pengerusi.

Tuan Wee Choo Keong: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila. Yang Berhormat Bukit Mertajam sabar, nanti dahulu! Bukit Bintang bangun pula.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Cukuplah. Saya sudah beri banyak masa.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen hendak jawab dahulu.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya hendak jawab. Ini bukan berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Kok Lanas tentang perlantikan Ahli Lembaga Pengarah KADA.

Tuan Chian Heng Kai: Mengapa dia tak mahu jawab soalan saya?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Bukit Mertajam.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya sudah jawab habis.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu! Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak memberi jalan kepada Bukit Mertajam?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya beri jalan kepada Yang Berhormat.

Tuan Chian Heng Kai: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin tanya satu perkara sahaja sama ada benar bahawa kilang-kilang beras bukan bumiputera tidak dibenarkan beli padi selepas pukul 4.00 petang? Adakah benar dan lain kilang-kilang beras bumiputera boleh beli padi selepas pukul 4.00 petang. Adakah benar atau tidak? Kalau benar, mengapa Kerajaan mahu menjalankan dasar seperti itu? Itu sahaja saya mahu tanya.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Soalan ini tidak bersangkutan.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Kok Lanas . . .

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bintang, nanti dahulu biar dia jawab dahulu.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tentang wakil negeri Kelantan . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu. Hendak jawab dahulukah, Setiausaha Parlimen?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya hendak jawab dahulu. Saya sudah tidak beri jalan. Cukup. Saya hendak jawab.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sabar!

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tentang wakil negeri Kelantan sebagaimana dinyatakan dalam KADA, dia tidak sebut nama 3 orang itu mesti dikemukakan oleh Kerajaan Negeri yang mewakili Kerajaan negeri Kelantan. Dalam Akta ini, dikatakan 3 orang rakyat Kelantan. Orang Kelantan, mana-mana orang dari Kelantan boleh dilantik 3 orang. Bukannya nama mesti diberi oleh Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah—tidak. Dia kira daripada negeri Kelantan 3 orang

Seorang Ahli: Ahli dari Nilam Puri bolehkah?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ahli dari Nilam Puri, dia orang Pulau Pinang. (*Ketawa*) Tidak boleh.

Mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Lumut tentang masalah banjir di Lumut. Untuk makluman Yang Berhormat, kawasan Lumut adalah kawasan yang rendah dan berpayau. Memang kawasan yang rendah dan berpayau ini biasanya air sentiasa bertakung di musim tengkujuh oleh kerana projek-projek perumahan yang giat bertambah, maka sungai atau parit yang sedia ada makin tidak berkeupayaan untuk mengeluarkan air bah dan memerlukan pengorekan dasar sungai dari masa ke semasa. Jika masalah banjir di Lumut bertambah buruk, Kerajaan boleh menimbang untuk mengadakan satu kajian comprehensive dijalankan, jika ia memerlukan.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, mengenai dengan kenaikan pangkat kepada pegawai-

pegawai pertanian, suka saya maklumkan bahawa pihak Kerajaan telah meluluskan penyusunan semula Jabatan Pertanian. Melalui penyusunan semula tersebut, kita harap beberapa jawatan kenaikan pangkat dari berbagai kategori telahpun diwujudkan. Jadi, ini satu yang baiklah untuk kita semua.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Nilam Puri, pembangunan kawasan Lojing, teknologi-teknologi yang dihasilkan oleh MARDI di Stesen Penyelidikan Cameron Highlands dalam bidang buah-buahan dan sayur-sayuran sudah mencukupi untuk membantu dalam pembangunan kawasan Lojing.

Pihak MARDI sedia untuk memberi bantuan dari segi perundingan dan khidmat nasihat untuk membangunkan kawasan tersebut. Jadi, Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah hendaklah membuat permohonan.

Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, mengenai dengan dakwaan kononnya kita tarik jentera pengorek daripada negeri Kelantan dan bawa ke Mersing. Ini bukan duduk di bawah Kementerian Pertanian. Jentera ini, untuk makluman Yang Berhormat, mesin kapal korek ini diarahkan pindah dan ia kepunyaan Jabatan Laut Semenanjung Malaysia yang terletak di bawah Kementerian Pengangkutan dan ini atas arahan Kementerian Pengangkutan untuk jentera pengorek itu berpindah ke Mersing oleh kerana keadaan muara Sungai Mersing telah terlalu cetek dan telah memberi masalah kepada nelayan-nelayan di sana.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Sungai Petani

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Berilah.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan juga Setiausaha Parlimen. Kelmarin saya telah bangkitkan beberapa perkara yang oleh kerana tadi Yang Berhormat kata bahawa DAP selalu bangkitkan perkara yang tidak konkrit dan tidak ada perasaan. Tetapi kelmarin saya telah bawa kes yang disentuh atau dicatat oleh Ketua Audit Negara yang \$488,000 untuk membeli saham dan permohonan memohon saham-saham yang dibuat atas nama Ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan Yayasan dan juga beberapa perkara yang telah disebutkan di sini yang tindakan yang diambil oleh MADA yang tidak mengikut undang-undang negara kita. Kenapa Yang Berhormat tidak memberi jawapan ataupun tidak boleh beri jawapan? Terima kasih.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Masa saya jawab, Yang Berhormat belum masuk.

Tuan Wee Choo Keong: Saya ada di sini.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Jadi, saya

Tuan Wee Choo Keong: Yang Berhormat cuma jawab laporan sahaja.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Yayasan Pelajaran MADA ini sebenarnya bukan mendapat peruntukan daripada Kerajaan. Duit ini adalah sumbangan dari ahli-ahli daripada petani-petani untuk tujuan pendidikan anak-anak, bukan Government beri duit ini. Sekejap, saya tidak habis lagi.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan?

Tuan Wee Choo Keong: Walau bagaimanapun, kalau akaun-akaun ini sudah dibentangkan di Parlimen, jadi ini tanggungjawab Parlimen dan kita mesti

ada hak untuk menanya Yang Berhormat untuk memberi keterangan ke atas ini. Kalau tidak atau bukan tanggungjawab Parlimen maka kenapa Ketua Audit Negara tulis begini dan juga tidak dibentangkan di Parlimen? Jadi, laporannya sudah dibentangkan di Parlimen dan Parlimen mesti ada hak untuk menanya Yang Berhormat mengenai dengan perkara tersebut. Terima kasih.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ini berhubung dengan pelaburan yang dibangkitkan atas nama individu. Jadi, perkara ini telahpun dibawa kepada Ahli Lembaga Pengarah MADA ini dengan persetujuan Ahli Lembaga Pengarah MADA.

Tuan Wee Choo Keong: Kenapa Yang Berhormat tidak beri jawapan di sini oleh kerana

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Masa bertanya, saya sudah menjawab.

Tuan Wee Choo Keong: di Dewan ini mesti ada hak untuk menanya kes-kes ini. Sudah ada di dalam laporan Ketua Audit Negara itu.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya sudah jawab.

Tuan Wee Choo Keong: Ini bukannya tidak ada bukti.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya sudah jawab.

Tuan Wee Choo Keong: Belum jawab. Siapa nama Ahli Lembaga Pengarah ini dan kakitangan Yayasan ini, itu yang kita hendak tahu. Kenapa di bawah nama Lembaga Pengarah.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya sudah jawab.

Tuan Wee Choo, Keong: MADA biasanya kalau MADA hendak membuat permohonan mestilah dibawa nama MADA saham-saham itu. Kenapa

dibawa nama Ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan Yayasan, iaitu kakitangan pun boleh menggunakan nama untuk permohonan saham ini. Ini mestilah ada satu penyelewengan, saya rasa. Terima kasih.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ini tuduhan liar. Tidak ada penyelewengan. Saya beritahu kepada Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bangkitkan kenapa laporan MADA ini lewat dibentangkan. Saya telah terangkan pada awal tadi bahawa mengikut Akta kita di sini, MADA tidak perlu bentangkan di Parlimen. Oleh kerana itu, pada tahun 1983, 1984, 1985, 1986, 1987 dan 1988, kita tidak bentangkan. Kemudian pada tahun 1989, kita dapat surat daripada Ketua Audit Negara meminta kita bentangkan. Bila minta, kita bentangkan, kita bawalah laporan dahulu pada tahun 1983 dan selepas itu kita bentangkan semua sekali.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telahpun menjawab Butiran itu.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ya, dia tidak faham.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya itu . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu!

Tuan Wee Choo Keong: Dalam laporan Ketua Audit Negara, pada tahun 1983, 1984 dan 1985, Ketua Audit Negara

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau minta penjelasan, mintalah izin dahulu. Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya ingat dia tidak faham. Cukuplah. Banyak saya hendak cakap.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, ada yang bangun. Batang Lupar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak beri ingatan, diminta jangan buat perbincangan. Kita sedang membahaskan dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Batang Lupar, kalau hendak minta penjelasan, mintalah terus. Janganlah berdialog di sini.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dia pun berdialog dahulu di sini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduklah, Yang Berhormat!

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya hendak minta ini supaya jangan berdialog di Dewan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu keputusan saya. (Ketawa) Sila teruskan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Sungei Petani tentang kelonggaran lesen sampan kepada nelayan-nelayan pantai supaya kelonggaran ini diberikan, sukalah saya maklumkan bahawa Kementerian tidak bercadang untuk terus mengeluarkan lesen-lesen sampan kepada nelayan-nelayan pantai. Pengeluaran lesen adalah bergantung kepada pendapatan sumber ikan disesuatu tempat atau kawasan. Umumnya telah mengetahui bahawa sumber perikanan di perairan pantai telah diterokai secara keterlaluan dan hampir pupus. Dengan demikian, ianya perlu dikawal.

Berhubung dengan perusahaan akuakultur di Kuala Sungei Merbok oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, adalah dimaklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keenam, LKIM telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak \$113.383 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$16.68 juta adalah untuk membangunkan bidang akuakultur dan \$1.5 juta adalah untuk projek ternakan udang harimau di Sungai Merbok, Fasa 3. Dalam melaksanakan projek akuakultur, kita akan membuat kajian mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai terlebih dahulu untuk memastikan kejayaan pelaksanaan projek.

Mengenai dengan JPS yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang hakisan pantai di kawasan Kampung Tepi Sungai Kuala Muda, Kedah, perhatian akan diberikan dan kajian akan dibuat untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Kerja-kerja pengukuran sedang dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran.

Berhubung dengan pekerja sambilan di Pusat Pengeluaran dan Penyelidikan Benih Udang Kebangsaan di Pulau Sayak, memang menjadi dasar Kerajaan tidak menggalakkan kumpulan kerja sambilan diserapkan kepada jawatan tetap.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat dari kawasan Tasek Cenderoh iaitu berkaitan dengan kawalan babi hutan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, asas kawalan babi hutan perlu mendapat persetujuan daripada Jabatan Perhilitan di bawah Kementerian Sains. Pada masa ini, ianya adalah menjadi satu kesalahan untuk menangkap, membunuh dan lain-lain tindakan lagi. Jadi, apabila persetujuan diperolehi, mungkin satu dasar kawalan babi hutan digubal dan tindakan-tindakan dapat diambil, dan cadangan-cadangan yang telah dibuat boleh diambilkira.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Tasek Cenderoh.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Terima kasih. Saya sudah agak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab demikian. Tetapi saya berharaplah supaya pihak Kementerian dapat—saya bertanya ini sama ada Kementerian serius untuk membincangkan dengan pihak Kementerian Alam Sekitar bagi mengatasi masalah ini. Ini satu perkara yang serius dan saya bertanya sama ada Kementerian akan membincangkan ataupun tidak dengan Kementerian Alam Sekitar? Tanya Kementerian Alam Sekitar, mana penting: nyawa dan zuriat babi ataupun yang peniung nyawa dan zuriat manusia? Saya berharap Kementerian mengambil perhatian yang serius.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat. Kementerian memandang serius tentang masalah ancaman musuh tanaman. Salah satunya ialah babi hutan. Jadi, kita akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Perhilitan bagaimana untuk kita sama-sama berusaha mengatasi masalah ancaman babi hutan kepada tanaman.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, boleh saya minta Kementerian mengadakan perbincangan pada tahun ini juga kerana soal nyawa manusia dan nyawa babi hutan, saya bangkitkan empat tahun yang lalu, dan jawapan pada hari ini akan berbincang. Kalau boleh, bagi jaminan akan berbincang pada tahun ini, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya beri pengakuan tadi saya kata serius. Jadi, kita tidak perlu ada satu usul tergepar dalam perkara ini, kita akan berbincang. Kita akan berbincang dengan pihak Jabatan yang berkenaan. Itu jaminan yang saya beri, insya Allah.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Batang Lupar, iaitu mengenai dengan pembukaan hutan untuk pertanian dan kesan kepada alam sekitar.

Untuk makluman Yang Berhormat, pendekatan dalam pemeliharaan kawasan-kawasan pembangunan dan pertanian baru mengambil hitung keperluan satu pembangunan kepada sustainable growth supaya ianya tidak mendatangkan ancaman kepada alam sekitar di samping menentukan penghasilan pertanian yang tinggi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Soalan saya itu bukan mengenai alam sekitar. Alam sekitar ini di bawah Kementerian lain. Soalan saya, kalaupun kita tebang hutan itu dan jadikan tempat pertanian, tanah itu tidak subur. Adakah kajian dibuat, sama ada betul atau tidak, mengenai tuduhan mengatakan tanah hutan yang ditebang itu tidak subur ataupun subur tidak lama, lepas tiga empat tahun tanah itu tidak subur dan barang-barang yang kita tanam itu mati, macam itu sahaja. Itu pertanyaan saya.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, kalau kita tengok kawasan-kawasan FELDA semua dahulunya kawasan hutan. Contohnya paling jelas, kawasan-kawasan FELDA sekarang ini adalah

asalnya kawasan hutan dan kawasan FELDA sekarang ditanam dengan kelapa sawit yang hasilnya begitu baik. Ini satu contoh yang jelas. Jadi, dakwaan yang kononnya kalau kawasan hutan ditebang, ditanam dengan tanaman dan hasilnya tidak memuaskan, hasilnya tidak baik ataupun sampai sekian tahun kemudian hasilnya menurun, itu tidak betul. Jadi seperti saya sebut tadi FELDA semuanya kawasan itu kawasan hutan yang telah dibuka dan ditanam dengan tanaman-tanaman yang sekarang ini menjadi hasil keluaran pertanian yang utama di negara kita. Jadi, saya ingat cukuplah.

Tuan Pengerusi, sekali lagi bagi pihak Jabatan dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$890,229,400 untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$890,229,400 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$809,766,170 yang disebutkan untuk Maksud P.19 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$809,766,170 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

Maksud B.20 (Jadual)—

Maksud P.20 (Anggaran Pembangunan, 1992)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas sekarang. Pasir Mas.

5.54 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 105, Butiran 01100—Kemajuan Perindustrian (Industri-industri Kecil dan Sederhana). Sebelum saya menyentuh perkara ini, saya hendak memaklumkan kepada Tuan Pengerusi bahawa Ahli Parlimen dari Kepong tidur dan cara dia tidur ini tidak senonoh—ini point of order dan saya minta ruling.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, point of order yang ke berapa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya tidak ingat, saya sebut sahaja. (*Ketawa*) Jadi, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada perkara 01100 mengenai dengan Kemajuan Perindustrian Industri-industri Kecil dan Sederhana. Perkara yang saya ingin sentuh ini kerana saya anggap kemajuan perindustrian iaitu industri-industri kecil dan sederhana ini begitu penting kepada pengukuhan ekonomi negara. Saya ingin mengetahui sejauhmana dari segi perkembangan dan kemajuan mengenai dengan industri-industri kecil dan sederhana ini secara yang terperinci.

Walau pun sudah ada jawapan dalam Dewan yang mulia ini di waktu Soal Jawab ataupun seumpamanya kerana industri-industri kecil dan sederhana ini merupakan satu catalyst kepada pembangunan negara pada masa akan datang terutamanya dalam usaha hendak

menjadikan negara kita ini negara perindustrian dan juga Visi 2020. Tetapi setahu saya kalau dilihat dari segi ukuran pertambahan domestic investments, pelaburan di peringkat tempatan jauhlah belum memuaskan lagi. Kalau dibandingkan dengan pelaburan luar negeri kerana dalam bidang pelaburan domestic investments ini, yang pentingnya ialah dalam bidang pengeluaran (manufacturing) dan ini nyata sekali kemajuannya belum lagi memuaskan pada hemat saya.

Di antara sebab-sebabnya yang boleh kita beri perhatian ataupun boleh kita kemukakan iaitu kita dapati mungkin kerana Akta Penyelarasan Perindustrian walaupun telah diperlonggarkan tetapi dikenakan 30% syarat bumiputera, 350 pekerja dan juga pelaburan mesti tidak kurang daripada \$2.5 juta. Tetapi ini sudahpun sedikit sebanyak diperlonggarkan.

Tuan Pengerusi, sebab yang kedua yang saya minta diberi perhatian oleh pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ini ialah kerana kekurangan know-how, dengan izin, dan juga pengalaman di kalangan usahawan-usahawan bukan bumiputera ataupun lebih khusus usahawan masyarakat Cina yang sepatutnya menceburkan diri di dalam bidang pengeluaran dengan begitu aktif sebagai golongan yang sudah lama di dalam perniagaan. Tetapi mereka menumpukan lebih perhatian kepada pembangunan hartanah (stock market) seumpamanya dan tidak sangat di dalam bidang ataupun tidak intensify dengan lebih hebat lagi di dalam bidang pengeluaran.

Perkara yang ketiga, kita dapati ialah kerana satu kecenderungan usahawan-usahawan Malaysia yang berjaya suka melabur ke luar negeri ataupun membawa wang Malaysia ke luar negeri. Ini ialah kerana mungkin akibat daripada property market bargain ataupun higher interest rate dan stronger currency ataupun kekuatan nilai kewangan luar

negeri yang menyebabkan pelabur-pelabur tempatan ini membawa wang keluar daripada negara kita yang sepatutnya menumpu kepada perkembangan industri dalam negara kita.

Yang keempat, mungkin sukar untuk golongan ini ataupun sahaja hendak mencari alasan kerana Akta Penyelarasan Perindustrian yang mengenakan beberapa syarat.

Jadi, oleh itu saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ini mengenai satu artikel yang dahulu saya simpan dan saya jumpa balik. Saya cukup tertarik dengan artikel ini dan saya hendak tahu sama ada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri memberi perhatian atau tidak kepada artikel ini yang terkeluar dalam *New Straits Times* pada 12 Jun 1990. Artikel ini telah ditulis oleh Tan Sri Raymon Navaratnam yang bertajuk *Economic Success Via Ethnic Cooperation* yang saya kira suatu sumbangan ilmu dan cadangan yang cukup konkrit. Saya ingin mengambil kesempatan ini bukan sahaja untuk mengucapkan tahniah kepada tokoh-tokoh bank seumpama ini yang bukan sahaja memberi perhatian kepada tugas mereka di bank tetapi mengambil bahagian dan melahirkan idea dan cadangan yang saya kira patut diambil perhatian oleh pihak Kementerian. Apakah Kementerian sedar dan saya hendak minta kalau boleh reaksi daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengenai cadangan yang dikemukakan dalam artikel ataupun kertas cadangan yang dibuat oleh Tan Sri Raymon Navaratnam yang sekarang ini menjadi Chief Executive Bank Buruh. Saya kira idea ini boleh digunakan, boleh diambilkita oleh pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi memajukan industri-industri kecil dan sederhana yang kita harap boleh melibatkan oleh semua kaum baik dari segi usahawan bumiputera, bukan bumiputera dan semua golongan yang berminat.

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini saya hendak minta izin hendak baca dalam bahasa Inggeris. Saya cukup tertarik dengan cadangan-cadangan yang dibuat oleh Tan Sri Raymon Navaratnam ini yang antara lain mengatakan, dengan izin:

“It is thus proposed that the Government could play a stronger catalyst role in promoting domestic investment expansion and fostering inter-ethnic cooperation. One important way is to encourage the banking system to participate in and promote greater Bumiputera and Non-Bumiputera (BNB) collaboration along the following lines.”

Maknanya dia memberi cadangan.

Saya hendak minta pihak Kementerian memberi reaksi di atas cadangan ini sebab saya kira ianya cukup baik untuk kita memajukan bidang perusahaan pengeluaran ini. Dengan izin, Tuan Pengerusi.

- “(1) A consortium of banks could establish a \$100 million or more BNB Holding Companies (iaitu yang dinamakan BNBHC).
- (2) The BNBHC could identify suitable bumiputera and non-bumiputera businessmen to collaborate in the expansion of SMI of up and even more than \$2.5 million or \$5 million assuming the ICI ceiling is raised from the present \$2.5 million to \$5 million or more.
- (3) The BNBHC could take up to 10-20% equity shares in the SMI and help in the management of the small and medium BNBHC enterprises.
- (4) The BNBHC could also lend the bumi partner the 30% equity or preferably less if the bumi partner has some savings and hopefully it should have.

(5) The BNBHC could also under similar circumstances lend to Malaysian Indians to participate in this ethnic corporation to attain the Vision 2020 through equitable restructuring of the economy.

(6) The non-bumis who currently own the SMI Enterprise could provide 50% of the equity which could represent part of the value of the current assets of the SMI. The bank could hold 20% and the bumi component 30% which could increase to 50% when the bank disinvests. In this way the BNBHC Enterprise would thus fulfil the NEP—(walaupun Dasar Ekonomi Baru ini sudah berlalu) or the New Development Plan (NDP) requirements and could thus expand more rapidly and move on to a bigger business enterprise.”

Saya minta perkara ini diberi perhatian oleh pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa kerana ini adalah satu cara yang boleh kita mempertingkatkan lagi pembangunan industri pengeluaran terutama dalam menyatukan golongan usahawan bumiputera dan bukan bumiputera dan juga meningkatkan pelaburan dalam negara kita melalui domestic investment dan sekaligus boleh menggerakkan jentera ke arah mencapai negara perindustrian menuju Visi 2020. Kalau hanya setakat perkembangan sekarang, saya agak khuatir sama ada kita akan mencapai ke tahap negara perindustrian.

Kita bukan sahaja semata-mata bergantung kepada high-tech ataupun pengalaman pelabur-pelabur asing tetapi hendak meningkatkan golongan pelabur-pelabur tempatan dan selalunya masalah mereka ialah kekurangan modal ataupun tiada pengalaman ataupun seumpamanya tetapi cara di mana Kerajaan boleh memainkan peranan catalyst role yang disebutkan tadi dengan

meminta bank dan Kementerian memainkan peranan menentukan cadangan seumpama itu, saya percaya kemajuan industri-industri kecil dan sederhana akan lebih mantap dan akan mencapai kejayaan yang diharapkan.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya ingin sentuh ialah mengenai dengan Perdagangan Antarabangsa—020100 iaitu Penggalakan Perdagangan. Ini saya hendak bertanya sahaja kerana hendak mendapat maklumat daripada pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa, berapakah jumlah Approved Permit (AP) yang telah dikeluarkan, iaitu kuota setakat ini iaitu bagi membawa masuk kereta-kereta terpakai iaitu kereta jenis mewah seperti Mercedes dan BMW dan apakah benar kuota Approved Permit sekarang ini dibekukan dan hanya diberi kepada peniaga-peniaga yang sedang dalam perniagaan ini sekarang dan kalau benar dibekukan, apa sebab-sebabnya, kerana saya mendengar banyak rungutan pemohon-pemohon yang mahu melibatkan diri dalam perniagaan industri kereta terpakai tetapi permohonan mereka telah ditolak atas alasan ianya dibekukan. Manakala kita dapati mereka yang memegang AP sekarang ini menikmati keuntungan yang besar. Saya difahamkan satu AP sampai mendapat keuntungan \$10,000 hingga \$15,000, ada yang \$20,000 dan ada yang menjual AP dengan \$10,000 atau \$15,000.

Saya tidak mempersoalkan soal jual atau tidak jual walaupun kita tidak bersetuju jika AP yang diberikan itu dijual atau disalahgunakan tetapi kalau melihat kepada keuntungan seumpama itu, sudah barang tentu ianya satu peluang perniagaan yang begitu baik. Seharusnya dibiarkan competitiveness ini dibuka dan diberi peluang seluas-luasnya dan tidak terhad kepada golongan tertentu. Saya sedar dasar ini dibuat bagi menjamin mereka yang memegang AP sekarang ini maju supaya mereka ini tidak menghadapi persaingan

yang hebat. Maknanya dengan kuota yang dikeluarkan, manakala permintaannya tinggi, maka dengan sendirinya harga AP itu akan naik. Bererti hanya segolongan sahaja yang mendapat keuntungan ini. Yang saya dengar satu AP sampai \$50,000 sebulan. Kalau ada sepuluh AP—\$100,000.

Kita suka dan kita bangga apabila peniaga-peniaga kita mendapat keistimewaan, mendapat kejayaan, mendapat keuntungan yang begitu besar. Tetapi keuntungan yang seumpama ini haruslah dilebarkan dengan seluas mungkin supaya semua pihak dapat menikmati kemudahan ini, menikmati kemudahan yang sepatutnya dirasai oleh semua pihak, tidak terhad kepada kuota-kuota tertentu seperti yang diamalkan sekarang. Sebab itu saya hendak tahu kalau betul-betul Kerajaan mempunyai hujah yang kuat, yang munasabah kenapa dikekalkan jumlah yang sedemikian hanya kepada mereka yang sedang dalam operasi perniagaan sekarang ini. Apakah sebab-sebab yang boleh diterima dari segi alasan rasionalnya? Kalau tidak, saya minta supaya pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa mempertimbangkan balik dasar ini dan membuka seluas-luasnya peluang kepada semua peniaga-peniaga yang ingin melibatkan diri dalam perniagaan yang seumpama ini.

Yang akhir saya hendak menyentuh di sini, Butiran 01200, mukasurat 105, Perdagangan Antarabangsa, Penubuhan SITTEDEC. Ini saya rasa berkaitan dengan apa yang telah dibawa oleh Malaysia di Persidangan G-15, kalau tidak silap saya. Saya hendak mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Perdagangan Antarabangsa kerana cadangan yang telah dibawa oleh Malaysia dalam Persidangan G-15. Salah satunya ialah penubuhan SITTEDEC di mana Malaysia dipilih menjadi pusatnya dan saya percaya ianya

akan menolong negara kita sekaligus lebih aktif di peringkat antarabangsa dan ini juga merupakan satu pengiktirafan yang membanggakan kita rakyat Malaysia. Kita berharap pusat ini nanti bukan sahaja terkenal di kalangan negara-negara G-15 tetapi juga terkenal di seluruh dunia dan negara kita menjadi Pusat Perkembangan dan Maklumat Teknologi yang lebih canggih terutamanya dalam menempuh tahun 2000 akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Seputeh.

6.09 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Pengerusi, saya bangun ingin menyentuh Maksud B. 20, Butiran 02000 Penggalakan Perdagangan dan Butiran 030000 Pembangunan Perindustrian dan juga Maksud P.20, Butiran 01200 Perdagangan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, wira-wira negara ini tidak pernah menyalahkan diri sendiri atau melakukan self-criticism, dengan izin, apabila mereka menemui kegagalan. Selagi sikap ini terus bersarang di hati wira-wira negara, maka janganlah mimpi untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 yang hanya wawasan politik semata-mata.

Rakyat Malaysia diberitahu mengenai kejayaan eksport kereta nasional Proton Saga di luar negeri. Malah kita merasa terkaya apabila diumumkan keuntungan EON serta sambutan yang menggalakkan pembeli-pembeli kereta Proton Saga di Great Britain tetapi wartawan akhbar Rocket berjaya membongkar bagaimana Proton Saga di England dipasarkan di negara itu dengan diberi subsidi selama dua tahun. Inilah satu sebab mengapa akhbar Rocket dituduh menyebarkan laporan yang negatif sehingga diharamkan penjualannya kepada orang awam.

Tuan Pengerusi, iklan di akhbar-akhbar di Great Britain disibar luas mengenai subsidi dua tahun kepada

pembeli-pembeli kereta Proton Saga yang disebutkan sebagai teknologi Jepun buatan Malaysia. Pembeli-pembeli diberi jaminan dua tahun percuma cukai jalan, service dan insurans. Kalau subsidi sedemikian boleh diberi kepada kereta yang dieksport kenapa tawaran yang serupa tidak diberikan kepada pembeli-pembeli di Malaysia yang patriotik. Kalau wira-wira negara ini benar-benar ikhlas melakukan apa sahaja untuk kepentingan negara dan rakyat seluruhnya, apakah dengan memberi subsidi dua tahun kepada pembeli-pembeli Proton Saga di Great Britain

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Parit Sulong bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Oleh kerana masa untuk berucap telah dihadkan, saya tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kalau begitu Yang Berhormat teruskan.

Tuan Liew Ah Kim: Terima kasih. Satu pencapaian yang menggalakkan dalam perdagangan antarabangsa dan perindustrian di negara ini. Tuan Pengerusi, apakah perdagangan antarabangsa kita bergantung kepada pelabur-pelabur asing manakala kita pula tidak mementingkan melabur di negara luar. Kerajaan tidak pernah memberitahu jumlah pelaburan negara ini di negara luar sehingga tekanan Amerika Syarikat terhadap EAEC dijadikan modal politik untuk menarik simpati rakyat.

Kita boleh berbangga dengan laporan Persatuan Pengilang Pharmaceutical Malaysia (MPTMA) dengan 30 kilang mengeluarkan ubat-ubatan di negara ini dan 30 buah syarikat pengeluarannya. Ini bermakna satu kilang untuk 10 syarikat.

Sementara jumlah ubat-ubatan yang diperbuat di negara ini hanya 10% sahaja sekalipun kita mempunyai 300 buah syarikat pengeluarannya. Kerajaan pula hanya mengeluarkan 90 permit mengimport kepada pembekal-pembekal ubat-ubatan seperti dilaporkan oleh *Utusan Malaysia* pada 2 Disember, 1991. Apakah industri dan perdagangan yang dimaksudkan oleh wira-wira negara hanya kilang-kilang elektronik sahaja? Kita seolah-olah tidak mengambil berat kepada kilang ubat-ubatan. Dalam masa Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan mahu membina banyak hospital termasuk yang dijanjikan \$100 juta di dalam pilihanraya kecil Sipitang, Sabah tidak lama dahulu.

Tuan Pengerusi, masalah buruh murah hanya terdapat di negara-negara mundur. Malaysia yang sedang membangun dan barisan wira-wira negara mahu menegakkan Wawasan 2020 sepatutnya berasa malu sekiranya masih wujud buruh-buruh murah. Keengganan pelabur-pelabur luar datang ke sini sebenarnya bukan disebabkan Malaysia tidak mampu menyediakan buruh-buruh murah. Dalam masa menarik . . . (*Diganggu*) Kalau sebutan tidak betul, tidak apalah. Minta maafilah. Kita memang sentiasa belajar mengamalkan Bahasa Malaysia. Apa hendak kacau? (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi, setidak-tidaknya kita mesti:

- (i) memastikan satu gaji minima diwujudkan bagi menjamin buruh-buruh tempatan tidak dieksploitasi oleh syarikat-syarikat besar yang melabur di negara ini;
- (ii) Tenaga-tenaga mahir yang dibawa masuk boleh membantu perkembangan teknologi tempatan; dan

- (iii) Menyekat pendedag-pendedag tanpa izin bekerja dengan upah yang terlalu rendah hingga menjejaskan peluang buruh-buruh tempatan bekerja dengan syarikat-syarikat besar yang melabur di sini.

Tuan Pengerusi, kita sudah lama tidak diberitahu mengenai pencapaian Dasar Pandang ke Timur setelah terciptanya irama lagu yang baru iaitu Wawasan 2020. Kenapa menyalahkan Amerika Syarikat menghalang Jepun daripada menyokong EAEC? Sepatutnya Jepun boleh membuat keputusan sendiri setelah Malaysia mengkagumi semangat orang-orang Jepun sehingga wujudnya Dasar Pandang ke Timur. Apakah setelah semangat bekerja orang-orang Jepun sudah mengikut kemahuan Amerika Syarikat sekarang, Malaysia masih bergantung kepada Dasar Pandang ke Timur untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur Jepun ke sini. Mungkinkah selepas pemindahan teknologi mereka kepada Proton Saga akan banyak lagi teknologi Jepun akan dipindahkan kepada bidang industri di negara ini.

Tuan Pengerusi

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri jalan.

Tuan Liew Ah Kim: Apabila DAP mengkritik Dasar Pandang ke Timur, Kerajaan menuduh parti Pembangkang sengaja mencari kesalahan serta berpandangan negatif. Amat jelas sekarang sekiranya EAEC gagal mendapat sokongan Jepun. Ini bermakna Malaysia sudah terpedaya dan keciwa dengan Dasar Pandang ke Timur selama ini.

Usaha wira-wira negara mencari ruang perdagangan antarabangsa

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dulu. Saya rasa Yang Berhormat berucap tentang dasar. Elok juga Yang Berhormat tukar ke Butiran.

Tuan Liew Ah Kim: Ini bukan dasar.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Elok juga Yang Berhormat bercakap pasal Butiran.

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi, ini bukan dasar.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bercakaplah berkenaan dengan Butiran.

Tuan Liew Ah Kim: Butiran sudahpun diberi

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu, Larut bangun atas apa?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tajuk dia bercakap atas dasar. Ketua Pembangkang bolehlah sedikit-sedikit bercakap dasar, yang lain tidak boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah. Sebenarnya saya baru sahaja sebut tadi.

Tuan Liew Ah Kim: Dasar juga. Ini pelaksanaan

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, sekarang ini kita berada dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Liew Ah Kim: Pelaksanaan dasar itu, Tuan Pengerusi. Saya ingat sabar sedikitlah. Berilah peluang untuk saya berucap dengan licin, jangan . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Saya memang beri peluang kepada Yang Berhormat. Jadi bercakaplah berkenaan dengan Butiran.

Tuan Liew Ah Kim: Oleh kerana masa pun dihadkan selama 15 minit, kalau hendak bincang, boleh—hendak tukar fikiran pun boleh, beri saya masa.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat masa berjalan, balik kepada Butiran. Sila.

Tuan Liew Ah Kim: Terima kasih. Usaha wira-wira negara mencari ruang perdagangan antarabangsa ke Selatan-Selatan mungkin satu escapism setelah gagalnya dasar perdagangan yang dirangka selama ini. Bagi mengekalkan tahap perdagangan antarabangsa bagi mencapai kepentingan rakyat Malaysia yang terdiri dari semua kaum perlulah diwujudkan dasar perdagangan antarabangsa yang merangkumi satu penglibatan pelaburan usaha sama yang tidak terhad kepada kuota kaum, skim gaji yang sama kepada tenaga-tenaga mahir sama ada dari luar negeri mahupun tempatan dan juga tidak ada kepentingan politik dalam sebarang pelaburan.

Tuan Pengerusi, sekiranya Kerajaan Negeri tidak diberi peluang memperuntukkan permit mendirikan kilang perusahaan mungkin akan berlaku sabotaj untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini. Setakat ini Kerajaan Negeri hanya boleh meluluskan kawasan tapak kilang di negeri masing-masing, sedangkan permit perusahaan kilang itu dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Dalam hubungan ini Kerajaan Pusat boleh berlaku tidak adil kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang mampu meluluskan permohonan kawasan tapak kilang kepada pelabur-pelabur asing ke negeri itu tetapi permit mendirikan kilang perusahaan tidak diluluskan oleh Kementerian. Ianya bukan sahaja tidak

adil malah boleh menimbulkan sabotaj pula apabila Kerajaan Negeri itu dikuasai oleh parti yang tidak sehaluan dengan Kerajaan Pusat. Bagi mencapai dasar perdagangan antarabangsa ini, keadaan demikian perlu diselaraskan. Dasar ini tentu lebih bermakna dari EAEC atau Dasar Pandang ke Timur. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepong. Selepas Yang Berhormat Kepong berucap, Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menggulung—kalau masa mengizinkan, kalau tidak, sambung esok.

6.23 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini memang mengambil masa yang panjang.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila berucap.

Dr Tan Seng Giaw: Memang panjang, kerana saya akan menyentuh beberapa perkara mengenai Dasar dan Penyelidikan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dasar tidak dibenarkan.

Dr Tan Seng Giaw: Memang, ini ada Butiran 010000 Khidmat Sokongan dan Program 010300 Dasar dan Penyelidikan di dalam konteks Program 010300 dan juga mengenai kajian 12 sektor dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Ini memang mengambil masa lebih kurang satu jam.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hanya 15 minit sahaja yang akan diberi.

Dr Tan Seng Giaw: 15 minit, itulah. Saya harap tidak akan ada gangguan daripada pihak-pihak yang tertentu yang suka hendak mengganggu.

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Dasar dan Penyelidikan merupakan satu program baru yang hanya bermula pada 1hb April tahun ini, mukasurat 202—Kertas Perintah 19 tahun 1991, peruntukan sebanyak \$347 ribu dengan 7 jawatan. Kononnya objektifnya ialah untuk merangka dasar program strategi perdagangan antarabangsa dan industri secara pro-aktif, sistematik dan berkesan. Ini merangkumi bidang-bidang yang sangat luas di dalam program ini dan saya berharap, Tuan Pengerusi, janganlah mengganggu saya, kerana Program itu sangat luas dan saya berikan objektif

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cakap macam itu tidak patut. Saya kena beri teguran kepada Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (Menyampuk)

Dr Tan Seng Giaw: Larut ini. Saya hendak teruskan—dua minit sudah terbuang.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Larut tidak ada kena-mena dengan Butiran ini. Sila teruskan. Masa berjalan.

Dr Tan Seng Giaw: Gangguan sahaja. Bising-bising di situ. Saya yang berucap, Larut tidak, berlarutan sahaja.

Tuan Pengerusi, adakah program Dasar dan Penyelidikan ini mempunyai apa-apa perhubungan dengan penubuhan Majlis Perdagangan Malaysia (Malaysian Business Council) yang ditubuhkan pada 28hb Februari, 1991. Walaupun Yang Berhormat Larut tidak berminat kepada Majlis Perdagangan Malaysia (MBC)

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Larut bangun atas point of order.

Dr Tan Seng Giaw: mengenai Malaysian Business Council.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, berhenti sekejap. Ada point of order.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Point of order 36(10).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti! 36(10)?

Dr Tan Seng Giaw: Apa dia?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: 36(10). Yang Berhormat, dia menyakiti hati.

Dr Tan Seng Giaw: 36 ada banyak.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: 36(6).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau beliau bangun atas point of order, sila duduk! Ya, Yang Berhormat, apa dia?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: 36(6). Menyakiti hati Ahli Dewan yang lain.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu tidak tepat. Sebenarnya 36(6) itu sangkaan jahat.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ya, sangkaan jahat, yang dikatakan kepada saya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah, saya akan buat keputusan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Angkat dia keluar, Tuan Pengerusi. (Ketawa)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong, teruskan. Tetapi jangan pergi jauh sangat.

Dr Tan Seng Giaw: Ya, tidak jauh. Mengenai Malaysian Business Council (MBC), kerana itu penting. Saya setuju kalau kita adakan MBC yang benar-benar menjalankan tugas di dalam rangka dasar yang telah saya sebutkan tadi. Setakat ini apakah program dan kajian yang dijalankan oleh Kementerian ini di bawah aktiviti ini dan bagaimana pula dengan perkembangan dalam MBC dan mengapakah tidak ada berita-berita langsung mengenai aktiviti MBC ini.

Di dalam Kertas Perintah ini tidak ada langsung disebutkan, cuma secara kasar sahaja mengenai Program Dasar dan Penyelidikan ini. Apakah dasar menumpu haluan perindustrian kepada industri-industri hi-tech dengan teknologi canggih dan apakah faktor-faktor khususnya statistik yang dapat dikemukakan oleh program bagi menyokong dasar menumpukan kepada industri hi-tech dari segi perkembangan pasaran dunia ataupun permintaan pasaran dunia untuk keluaran yang terlibat dan keupayaan industri tempatan menyediakan modal kepakaran untuk menceburi dalam bidang ini dan keupayaan industri tempatan merebut sebahagian pasaran dunia yang tersedia ada dan sambutan pelaburan asing terhadap arah haluan baharu Kerajaan ini.

Semua ini adalah penting kerana Malaysia adalah di dalam satu transition untuk menjadi negara pembuatan yang baru dan negara industri yang baru, maka perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi adalah penting untuk dikaji, untuk diambil kira dengan baik dan

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat diminta sambung esok.

Dr Tan Seng Giaw: Baiklah.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.